

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2024

FAKULTI PERAKAUNAN  
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN  
PENGKOMERSILAN

---

**KETUA PTJ :**

HASLINDA BINTI YUSOFF

**KETUA UNIT KUALITI :**

NORMAHIRAN BINTI YATIM

**PENYELARAS :**

MAHPUDZAH BINTI MOHAMAD

**PENULIS :**

1. NORLI BINTI ALI
2. NUR ADURA BT AHMAD NORUDDIN @ NORDIN
3. HALIL BIN PAINO
4. NAZREEN BINTI SAHOL HAMID
5. MOHD FAIRUZ BIN ADNAN
6. ROHAYU BINTI YUSOP
7. NORAZIAN BINTI HUSSIN

8. NOR FARIZAL BINTI MOHAMMED
9. SERI AYU MASURI BINTI MD DAUD
10. BEDAH BT AHMAD
11. NUR HAYATI BINTI AB SAMAD
12. KAMARUZZAMAN BIN MUHAMMAD
13. SURIA BINTI MAJDI
14. MAZURINA BINTI MOHD ALI
15. PUTEH MARIAM BINTI ISMAIL
16. RABIAINI BT AB. RAHMAN
17. NORILMIAH BINTI AZIS
18. YUSRI HAZROL BIN YUSOFF
19. MUTHYAAH BINTI MOHD JAMIL
20. NADIAH BT ABD. HAMID
21. SALIZA BINTI SULAIMAN
22. NURUL NADIAH BINTI IBRAHIM
23. MOHAMAD EZRIEN BIN MOHAMAD KAMAL
24. ERLANE K GHANI
25. Y. NURLI BINTI ABU BAKAR
26. ANISAH BINTI MAHMOOD
27. MAHPUDZAH BINTI MOHAMAD
28. NORMAHIRAN BINTI YATIM
29. SITI NURHAZWANI BINTI KAMARUDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan kanan Fakulti Perakaunan (FPN) menitikberatkan **perancangan** jitu inisiatif **Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan (PPP)** bertaraf global. Ini dilaksanakan melalui Perancangan Strategik (PS) FPN yang mengutamakan **keterlibatan semua warga** bagi menyokong inisiatif **Globally Marketable 2023** kearah pencapaian **Globally Respected 2024**. PS bagi PPP 2023 telah diformulasikan agar selari dengan halatujju GRU2025.

**Perancangan** yang mampan **berlandaskan PSUiTM2025** dimulakan menerusi perbincangan di mesyuarat Majlis Pengurusan Eksekutif (MPE) FPN berserta mesyuarat khas bersama pensyarah-pensyarah yang berpengalaman serta input panel rakan industri yang dilantik. Di sini, aspirasi negara, profesion dan UiTM diterjemahkan dalam rangka kerja komprehensif yang memberi tumpuan kepada **kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh**.

**Perlaksanaan** bidang tumpuan oleh RICAEN menerusi **3 projek utama** PPP, *Fit to Publish*, *Route to High Impact Publication* dan *Research Grant Venture* dan satu projek pengkomersilan iAsnaf ACT melibatkan kesemua warga melalui **FACT Talent Cluster** sebagai *Special purpose Vehicle*. Ketua setiap jabatan yang diketuai oleh Timbalan Dekan dan Timbalan Pendaftar Kanan dilantik sebagai ketua setiap projek yang akan dilaksanakan dan dijalankan oleh ahli-ahli fakulti yang dilantik. Penglibatan bersama oleh ketua jabatan FPN ini akan memastikan setiap projek yang dirancang akan dilaksanakan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

**Pemantauan** menyeluruh secara berkala bagi merealisasikan halatujju strategi FPN dilaksanakan secara berterusan melalui siri mesyuarat pengurusan (MPE & MKSP) oleh pihak kepimpinan FPN secara berkala. Ini adalah untuk memastikan projek dijalankan dan memenuhi sasaran. Status pelaksanaan projek dibenteng oleh ketua jabatan FPN di mesyuarat bulanan di MPE di samping pembentangan pencapaian prestasi berdasarkan indikator prestasi yang diamanahkan. Perhatian diberikan kepada projek-projek yang bermasalah untuk dilaksanakan seperti yang dilaporkan ketua projek melalui ketua jabatan. MPE akan membincangkan penyelesaian kepada isu yang menghalang pelaksanaan projek tersebut. Cadangan penyelesaian akan dimaklumkan kepada pihak bertanggungjawab untuk tindakan segera.

Kepimpinan FPN sentiasa meneliti ruang untuk melaksanakan **penambahbaikan** dalam setiap projek dan aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu, latihan dan bengkel juga diberikan penekanan oleh kepimpinan fakulti bagi meningkatkan pencapaian staf. Usaha berterusan ini secara menyeluruh akan memastikan pencapaian objektif strategik, misi universiti, aspirasi negara dan kelestarian pengiktirafan badan professional.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam merealisasikan wawasan negara seiring dengan aspirasi UiTM dalam mencapai Misi dan Visi UiTM2025 ke arah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, kepimpinan kanan bertindak proaktif dengan merealisasikan **model kepimpinan** yang mantap, melibatkan semua peringkat staf di Fakulti Perakaunan (FPN) kampus utama dan cawangan, pelajar serta rakan industri termasuk badan profesional.

Berpandukan **matlamat** "*To become a leading reference centre and a catalyst to the accounting profession*", dengan **aspirasi** untuk menjadi *Globally Renowned Faculty*, FPN di bawah pimpinan **Dekan** bergerak pantas seiring keperluan global dan aspirasi UiTM dalam mencapai Misi dan Visi UiTM2025 ke arah universiti terkemuka dunia menjelang 2025. Justeru, kepimpinan kanan sentiasa **memantapkan kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh** dengan merealisasikan **model kepimpinan** yang mantap, **melibatkan semua** peringkat staf FPN di kampus utama dan cawangan, pelajar serta rakan industri termasuk badan profesional.

**Pendekatan berdasarkan fungsi** di RICAEN diketuai oleh oleh **TDRICAEN, dibantu oleh TDA, TDHEP dan TPK, dan seorang koordinator penyelidikan**, merangka dan melaksana projek bidang tumpuan **Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan (PPP)** dalam mengukuhkan jaringan bersama pemegang taruh bagi memastikan ianya **sejajar** dengan keperluan akademik, pembangunan pelajar dan staf. Struktur **portfolio RICAEN diperkukuhkan** lagi dengan pelantikan **3 penyelaras dan seorang pengurus penerbitan** bagi melancarkan operasi PPP. Gandingan kerjasama tersebut telah **melonjakkan pencapaian SKORI-UiTM 2023 FPN penyelidikan ke 100% pada tahun 2023 dari 90% tahun 2021**. Bukti-1 memaparkan struktur kepimpinan kanan FPN dan RICAEN.

Pada tahun 2023, FPN telah berjaya menggerakkan PI yang diturunkan kepada fakulti melalui **pelbagai inovasi** yang berfokuskan perancangan strategik 2023 iaitu **Globally Marketable** menerusi **3 projek utama** bidang tumpuan *Fit to Publish, Route to High Impact Publication* dan *Research Grant Venture*. Inovasi kepimpinan kanan menggerakkan ketiga projek tersebut adalah:

1. **Talent Cluster** mengikut bidang tujuhan FPN yang digerakkan menerusi geran luar dan dalaman fakulti, kolaborasi bersama industri, UiTM Cawangan, dan komuniti [Bukti-2(a)].

Kluster ini bertindak sebagai **Special Purpose Vehicle** bagi ketiga-tiga projek perancangan strategik 2023.

2. Lantikan empat pensyarah ke **Trek Penyelidikan** bagi mempromosi **budaya penyelidikan dan penerbitan** seterusnya sebagai pemangkin project *Fit to Publish* dan *Research Grant Venture*

3. **Research Champion** yang dianggotai oleh tujuh pensyarah membuka ruang kepada **penyelidikan berimpak tinggi, penerbitan berkualiti dan pengkomersilan** yang menjadi nadi penggerak projek *Route to High Impact Publication* [Bukti-3].

4. Mini Publication Sabbatical diwujudkan bagi memfokuskan **penerbitan ke jurnal berindeks** yang melibatkan 28 pensyarah yang berjaya menghantar **51** penerbitan berindeks seterusnya menyokong projek *Fit to Publish* [Bukti-4]

5. **FACT Research Writing Bootcamp** bertujuan menyediakan **suasana yang kondusif**

bagi menyiapkan penulisan artikel dan kertas cadangan geran penyertaan [Bukti-4].

Inovasi ini berperanan sebagai pelengkap **ekosistem** penyelidikan dan penerbitan dalam **memantapkan kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh.**

Perancangan sistematik kepimpinan kanan juga turut **membudayakan** program pengiktirafan dan penghargaan kejayaan cemerlang staf dan perkongsian kejayaan didalam bidang tumpuan. Ini dilaksanakan melalui **Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti 2023** dan **pemeriksaan media sosial** dalam mewawarkan kejayaan staf dan perkongsian pengetahuan [Bukti-5a].

Kejayaan FPN dalam bidang tumpuan menyerlahkan kepimpinan kanan FPN apabila Dekan FPN telah memenangi anugerah **Academic Leadership Award** pada Majlis Anugerah Akademik UiTM [Bukti-5b].

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_K01\\_KB02\\_20241\\_BUKTI-1-FPN\\_1.2a Kepimpinan.pdf](#)
2. [F0014\\_K01\\_KB02\\_20242\\_BUKTI-2-FPN\\_1.2a Kepimpinan.pdf](#)
3. [F0014\\_K01\\_KB02\\_20243\\_BUKTI-3\(a\) FPN\\_1.2a Kepimpinan.pdf](#)
4. [F0014\\_K01\\_KB02\\_20244\\_BUKTI-4-FPN\\_1.2a Kepimpinan.pdf](#)
5. [F0014\\_K01\\_KB02\\_20245\\_BUKTI-5-FPN\\_1.2a Kepimpinan.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan FPN menerusi tema **kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh** secara efisien menggerakkan objektif kualiti dan pelan inisiatif strategik UiTM2025 demi mendokong misi dan visi UiTM2025 dalam bidang tumpuan PPP. **Strategi utama** Kepimpinan kanan menggerakkan PPP termasuk **mewajibkan penglibatan** kesemua staf FPN sebagai **ahli Talent Cluster** mengikut bidang kepakaran masing-masing [Bukti-1], menyediakan sistem sokongan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ie: **FACT Research Writing Bootcamp, Mini Publication Sabbatical** [Bukti-2], **geran dalaman** [Bukti-3a], **latihan kepakaran dan bengkel** serta **penceramah jemputan** [Bukti-3b].

Kepimpinan Kanan memastikan perluasan meluas pelaksanaan objektif kualiti dan pelan strategik UiTM2025 ke **seluruh kampus cawangan** yang menawarkan program fakulti.

**Di peringkat fakulti**, perluasan melalui:

1. **Mesyuarat Staf Akademik:** setiap awal dan akhir semester (perkongsian maklumat secara bersemuka dan dua hala) [Bukti-4a1].
2. **Media elektronik:** laman sesawang FPN, WhatsApp dan Email (platform sumber maklumat) [Bukti-4a2].
3. **FACT ENewsletter:** platform penyebaran maklumat berbentuk e-print [Bukti-4a3].

**Di peringkat UiTM, Nasional dan Global**, perluasan menerusi:

1. **Program Pemindahan Ilmu** melalui produk komersilan pensyarah **iAsnaf ACT 2023** menerusi **laman web Hitung untung (MyIPO No. IP/CR/03971) dan STOM (MyIPO No. IP/CR/04345** [Bukti-4b1].
2. **Libat sama industri** iaitu Teras dan usahawan asnaf Teras, Hatimuda Sdn Bhd, dan PTJ UiTM dalam pembangunan produk komersil iAsnaf ACT 2023 [Bukti-4b2].
3. **Akses** kepada produk komersilan pensyarah **Accounting Card Challenge** di perisian **Apps** dan facebook [Bukti 4c].
4. **Laman sesawang FPN**, dan **media sosial rasmi FPN** seperti Facebook, Instagram dan Twitter sebagai sumber penyaluran maklumat ke luar UiTM [Bukti 4d].
5. **Amanat Dekan** pada awal tahun bersama warga FPN termasuk pensyarah FPN Kampus Cawangan [Bukti-4e]
6. **MOU/MOA** bersama Portsmouth University [Bukti 4f]
7. **Matching grant-SRP** dan DDF Kolaborasi 2023 [Bukti 4g]

Impak dari strategi Kepimpinan Kanan yang mampan dan berkesan dalam menyebarkan luas kepakaran staf FPN ke peringkat nasional dan global dapat disaksikan melalui **pengiktirafan sebagai Profesor Pelawat, keynote speaker, pakar perunding, penerima geran luar, konferensi, penyelidikan, penerbitan bersama penulis luar negara dan jaringan industri** [Bukti 5a], serta **pengkomersilan produk** penyelidik FPN di **Google Playstore** dan laman

...seperti yang diuraikan dalam dokumen ini.

**Impak** dari perluasan kepakaran turut menyaksikan **pensyarah FPN di lantik menjadi wakil Macquarie University** ke Accounting and Finance Association of Australia and New Zealand Doctoral Symposium and Conference 2023, di mana beliau dijemput oleh **2SER 107.3 Australia Radio Station** dan sesi **Meet and Greet** bersama **pengurusan tertinggi, wakil industri dan wakil pelajar Macquarie University** untuk **berkongsi hasil penyelidikan** [Bukti 5c].

Strategi perluasan yang efisien, sistematik dan menyeluruh di peringkat UiTM, nasional dan global terbukti berkesan dengan pencapaian FPN di **AKPU 2023** seperti [Bukti-5d].

1. Anugerah 6 Bintang Pusat Tanggung jawab
2. Tempat pertama: Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023: Pillar 1: World Class Faculty Member (Academic Staf)
3. Tempat Pertama: Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023: Pillar 2: Turning Globally Marketable Students
4. Anugerah Tindakan Strategik Terbaik
5. Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan
6. Anugerah Kolaborasi Antarabangsa Tertinggi.

Impak strategi perluasan yang efektif dibuktikan oleh penglibatan pemegang taruh sebagai rakan strategik seterusnya menyokong tema **kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh.**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_K01\\_KB03\\_20241\\_BUKTI 1-FPN 1.3 Kepimpinan .pdf](#)
2. [F0014\\_K01\\_KB03\\_20242\\_BUKTI 2-FPN 1.3 Kepimpinan .pdf](#)
3. [F0014\\_K01\\_KB03\\_20243\\_BUKTI 3-FPN 1.3 Kepimpinan .pdf](#)
4. [F0014\\_K01\\_KB03\\_20244\\_BUKTI 4-FPN 1.3 Kepimpinan .pdf](#)
5. [F0014\\_K01\\_KB03\\_20245\\_BUKTI 5-FPN 1.3 Kepimpinan .pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan kanan secara konsisten menitikberatkan pemantauan, pengurusan dan analisa risiko bidang tumpuan PPP. Seiring halatuju UiTM2025, pimpinan kanan FPN secara berkala mengaplikasikan **mekanisma kitaran pemantauan** melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) bulanan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik (MPS) dan Mesyuarat Pengurusan Risiko. Dalam memperkasakan proses pemantauan yang lebih efektif, pimpinan FPN turut menjalankan **siri audit dalam** dan **penilaian sendiri**, serta **maklumbalas oleh pemegang taruh** [Bukti-1].

1. Mekanisma Pemantauan Dalaman:

a. **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (Bulanan)**: Merancang, meneliti risiko, dan membuat keputusan berkaitan bidang tumpuan.

b. **Mesyuarat Perancangan Strategik (Suku tahunan)**: Memantau pelaksanaan inisiatif projek bidang tumpuan.

c. **Mesyuarat Pengurusan Risiko (Suku tahunan)**: Memantau pengurusan risiko seperti risiko strategik, pengurusan dan operasi.

d. **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (Setiap 6 bulan)**: Membincangkan pencapaian objektif kualiti, pencapaian perancangan strategik, maklumbalas pelanggan dan laporan audit dalam.

e. **Audit Dalaman dan Penilaian Kendiri (Tahunan)**: Memantau pencapaian strategik objektif

f. **Mesyuarat JK Penyelidikan Fakulti**: Memantau, progress DDF, REC etc.

2. Mekanisma pemantauan luaran adalah menerusi **maklumbalas pemegang taruh** menerusi siri libatsama.

**Penganalisan, pengenalpastian punca kegagalan, pelaksanaan sistem intervensi** dibuat secara sistematik ke atas data aktiviti PPP secara berkala (bulanan, suku/dwi tahunan atau mengikut keperluan). Data yang digunakan merangkumi **laporan pencapaian berkala BTU, laporan kepuasan pelanggan, laporan aktiviti MOU/MOA, skor MyRA, dapatan QS Ranking** dan **maklumbalas pemegang taruh** serta **komunikasi berterusan bersama komuniti** perakaunan yang terdiri daripada badan profesional, kementerian dan pihak industri yang menjadi **mekanisme pemantauan** pencapaian objektif dan inisiatif strategik PPP.

Penggunaan **media sosial** sebagai **mekanisme penyebaran maklumat** kepada pihak-pihak berkepentingan merupakan salah satu **proses pemantauan dan penerimaan maklumbalas** dari pemegang taruh. Kepimpinan kanan FPN secara aktif, menggunakan platform media sosial seperti **WhatsApp, Facebook, Twitter, laman Instagram** dan platform rasmi seperti **emel** serta laman sesawang secara meluas dalam usaha pemantauan [Bukti-2].

Maklumbalas yang diterima menerusi ciapan di media sosial diperolehi secara terus dan telus

dan ini memberikan peluang yang pantas untuk FPN bertindak. Selain itu, pada peringkat akhir sesuatu aktiviti/projek, para peserta akan mengisi **borang maklumbalas** bagi memantau keberkesanan aktiviti/program yang telah dianjurkan. **Analisa tahap kefahaman dan kepuasan hati** dijadikan pengukur **keberkesanan** program yang dijalankan untuk **penambahbaikan** pada program yang akan datang.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_Bukti-1-FPN\\_Kepimpinan 1.4.1.pdf](#)
2. [F0014\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_Bukti-2-FPN\\_Kepimpinan 1.4.1.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan kanan FPN berlandaskan panduan dari Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM sebagai sumber rujukan utama bagi mengenalpasti, menganalisa, menilai, mengkategorikan, dan mengawal risiko. Tiga langkah efektif yang dilaksanakan termasuklah:

1. **Mengenalpasti risiko dan punca risiko oleh setiap jabatan**
2. **Mengambil tindakan pencegahan** bagi memastikan setiap risiko dapat diatasi dengan baik.
3. **Memantau risiko secara berkala** oleh jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti

Melalui langkah-langkah di atas, pimpinan kanan FPN dapat menilai samada risiko tersebut telahpun berjaya dicegah. **Pelan mitigasi baru** dibentuk bagi risiko yang baru wujud supaya risiko tersebut dapat dikawal atau di atasi dengan segera [Bukti-3].

Lima kategori risiko yang dikenalpasti adalah seperti:

1. **Strategik:** Melibatkan halangan kepada halatuju dan objektif PPP di FPN dalam mencapai visi, misi dan objektif kualiti FPN sebagai sasaran dalaman dan pelbagai sasaran luaran seperti pencapaian indikator BTU UiTM, pencapaian Malaysian Research Assessment (MYRA), dan World QS Ranking
2. **Kewangan:** Merujuk kepada halangan pembiayaan bagi melaksanakan setiap inisiatif strategik dan aktiviti berimpak tinggi FPN
3. **Perundangan dan Reputasi:** Bertumpu kepada implikasi perundangan dan implikasi kepada imej dan ketampakan FPN
4. **Operasi:** Melihat kepada semua proses kerja yang terlibat dalam mencapai objektif FPN
5. **Projek Utama:** Bertumpu kepada sesuatu projek atau inisiatif strategik yang dijalankan oleh FPN

Penilaian empat tahap risiko (Rendah, Sederhana, Tinggi dan Ekstrem) dibuat menggunakan **matrik impak** [Bukti-4] dengan mengambil kira faktor kebarangkalian dan penilaian impak ke atas reputasi fakulti serta UiTM, dari aspek kewangan, operasi dan objektif strategik. Risiko tahap Ekstrem akan diberi keutamaan oleh pimpinan kanan diikuti seterusnya oleh risiko tahap Tinggi, Sederhana dan Rendah untuk **tindakan kawalan dan pencegahan**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_Bukti-3-FPN\\_Kepimpinan 1.4.2.pdf](#)
2. [F0014\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_Bukti-4-FPN\\_Kepimpinan 1.4.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan melaksanakan (i) kajian semula dan (ii) tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan agar objektif dan inisiatif strategik berjaya dicapai. Antara tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan termasuklah **perancangan sistematik** yang disusuli mekanisme pelaksanaan dan **pemantauan yang telus** dengan mengambil kira **risiko-risiko** yang terlibat. Kepimpinan kanan memastikan **semakan risiko dari peringkat awal**, seiring dengan perancangan objektif dan inisiatif strategik.

Pemantauan bermula seawal analisa data dibuat bagi **mengenalpasti inisiatif yang belum dicapai** dan **halangan-halangan dalam pelaksanaan inisiatif**. Pemantauan dilakukan terhadap risiko sedia ada dan baharu dan **tindakan efektif** diambil bagi risiko-risiko tersebut. **Pengemaskinian tahap risiko** yang dibuat secara berterusan dan penambahbaikan strategi berdasarkan kajian semula membantu FPN mencegah dan meminumkan tahap risiko yang bakal dihadapi.

Kepimpinan kanan menganalisa dan melakukan **perbincangan secara berkala** melalui siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklumbalas pemegang taruh menyumbang kepada **hasil tindakan penambahbaikan prestasi**. Penilaian maklumat hasil tindakan penambahbaikan yang diperolehi dari laporan pencapaian objektif dan inisiatif strategik PPP dibuat berdasarkan impak penambahbaikan ke atas pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkaitan. **Hasil analisa dijadikan panduan** dalam melaksanakan langkah-langkah intervensi. **Proses Tindakan Penambahbaikan Prestasi FPN** diamalkan melalui:

1. **Pemantauan berkala:** Siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklumbalas pemegang taruh (Laporan pencapaian objektif dan inisiatif)
2. **Tindakan penambahbaikan prestasi:** Siri mesyuarat peringkat pentadbiran setiap unit (Laporan pemantauan berkala)
3. **Hasil Tindakan penambahbaikan:** MPE, MKSP (Laporan Tindakan penambahbaikan)

Dalam memastikan tema PPP *'Kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh'* berserta objektif dan inisiatif strategik dapat dicapai, pimpinan kanan turut memberi penekanan terhadap aspek intervensi secara bersasar menerusi mekanisme sebaran maklumat seperti **taklimat umum dan bersasar** (ahli projek pelan strategik), **sesi mesyuarat akademik, perjumpaan dengan warga** secara fizikal dan maya, atau **pemakluman melalui media elektronik**.

Sesi **perjumpaan staf bersama dekan** dijalankan secara berkala sebagai platform penyampaian hasil analisis tersebut. Penyampaian **hasil analisis dan perbincangan** kepada warga FPN ditekankan dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik. Perkongsian dan **pemakluman hasil analisa** berkaitan secara menyeluruh dibuat oleh pimpinan kanan dengan **kadar segera** kepada warga FPN agar mereka faham dan bersama-sama menangani cabaran dan mengatasi risiko yang boleh menjejaskan pencapaian bidang tujuan PPP. [Bukti-5].

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [FU014\\_KU1\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_BUKTI-5-FPN\\_Kepimpinan 1.4.3.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan FPN sentiasa menerapkan amalan dan pembudayaan PPP yang selari dengan misi, visi dan objektif FPN, UiTM dan KPT di kalangan warga fakulti. Pada amnya, kepimpinan FPN sentiasa **menjaga hubungan baik** di antara fakulti dengan pihak luar terutamanya di kalangan rakan industri, badan profesional serta masyarakat awam. Justeru itu, setiap warga FPN juga sentiasa digalakkan **berkolaborasi** dengan pihak luar melalui program-program yang dianjurkan oleh FPN dan juga menghadiri serta terlibat dalam program anjuran pihak luar. Ini selaras dengan objektif strategi FPN yang menggalakkan **penampakan FPN di pelbagai peringkat**.

Di dalam memperkasakan bidang tumpuan PPP barisan kepimpinan FPN menerapkan sikap toleransi dan membudayakan **#togetherness** di mana warga FPN digalakkan menyertai program anjuran fakulti seperti program **FACT Retreat**, **JOM SIHAT** dan **penyertaan Talent Cluster** [BUKTI 1].

Pembudayaan penyelidikan, penulisan, konferens, inovasi dan projek komuniti telah dilaksanakan melalui *Special Purpose Vehicle*, FACT Talent Cluster. Bagi menggalakkan anjuran aktiviti melalui FACT Talent Cluster, Kepimpinan Kanan mengambil pelbagai inisiatif seperti:

1. **Anugerah bagi Talent Cluster** seperti Bilangan Tertinggi Penyelidik Utama, Bilangan Tertinggi Penerbitan Berindeks, Inovasi dan Harta Intelek dan sebagainya [Bukti 2].
2. **Pemberian geran dalaman** bagi tiga Talent Cluster yang aktif: RM8,000 bagi Tempat Pertama, RM5,000 dan RM3,000 bagi tempat kedua dan ketiga untuk tahun 2023 [Bukti 2].
3. **Anugerah individu** untuk penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan [Bukti 3]

Kepimpinan kanan melaksanakan tanggungjawab berpandukan **akauntabiliti** sebagaimana yang diharapkan oleh para pemegang taruh. Kemantapan bidang tumpuan PPP menampakkan FPN sebagai satu fakulti yang mampu bergerak dengan lebih maju di masa hadapan. Selaras dengan aspirasi UiTM secara amnya, kepimpinan kanan FPN sentiasa memacu warga fakulti ke arah yang lebih cemerlang dalam memartabatkan lagi kejayaan FPN ke peringkat yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, kepimpinan kanan FPN yang mantap melalui **kecekapan barisan kepimpinan RICAEN** sentiasa menggembeling usaha terbaik mengemudi fakulti untuk memantapkan PPP ke tahap tertinggi demi **kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh** dalam menyampaikan wadah bangsa dan memartabatkan persada perakaunan ke peringkat global. Hasilnya dapat disaksikan dengan **penghasilan projek pengkomersilan FPN yang pertama, iAsnaf** yang bermula dengan penyelidikan berimpak tinggi dan kolaborasi mantap dengan pemegang taruh yang akhirnya **berakar ke bumi** apabila manfaatnya disebar luas kepada komuniti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_K01\\_KB05\\_20241\\_Bukti-1 FPN Kepimpinan 1.5.pdf](#)
2. [F0014\\_K01\\_KB05\\_20242\\_BUKTI-2 FPN Kepimpinan 1.5 .pdf](#)

3. [F0014\\_K01\\_KB05\\_20243\\_BUKTI-2 FPN Kepimpinan 1.5 .HEIC.pdf](#)
4. [F0014\\_K01\\_KB05\\_20244\\_BUKTI-3 FPN Kepimpinan 1.5 .pdf](#)
5. [F0014\\_K01\\_KB05\\_20245\\_IMG\\_0942.HEIC.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FPN, melalui Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2023 (PSFPN 2023), telah mengukuhkan usaha untuk mencapai matlamat Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjadi universiti terkemuka dunia pada tahun 2025, sejajar dengan aspirasi **Pelan Strategik UiTM 2025 dan Wawasan Kemakmuran Negara 2030**. Perancangan ini telah diselaraskan dengan pelbagai pelan strategik termasuk Teras Strategik Tiga RMK-11, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013-2025 dan *Sustainable Development Goals* (SDG) yang menekankan kepada pembangunan modal insan holistik dan keupayaan penyelidikan bertaraf dunia.

Bagi bidang tumpuan Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersilan (PPP) beberapa projek utama telah dikenalpasti dan dilaksanakan; **Research Venture Grant** bertujuan untuk mencapai status **Globally Marketable** pada tahun 2023, **Fit to Publish** adalah untuk menentukan penerbitan berimpak tinggi oleh warga fakulti, serta **Route to High Impact Publication** (HIP) untuk memastikan kelestarian penerbitan akademik. Melalui projek ini, FPN berjaya **menganjurkan inisiatif-inisiatif penting seperti Mini Sabatikal, siri webinar bersama profesor pelawat, beberapa siri bengkel penulisan dan webinar**, yang semuanya bertujuan untuk **meningkatkan bilangan dan kualiti penerbitan di jurnal berimpak tinggi seperti SCOPUS**.

Pemantauan terhadap pencapaian projek-projek ini dijalankan dengan rapi dan secara berkala menggunakan **sistem UePMO, dashboard Power BI, dan system UiSMS, serta dipantau melalui tadbir urus FPN, mesyuarat perancangan strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**. Mekanisme pemantauan ini membolehkan pengurusan fakulti mengambil tindakan segera jika terdapat varians antara sasaran dan pencapaian, memastikan setiap projek berada di landasan yang betul untuk mencapai indikator prestasi (PI) dan skor MyRA yang ditetapkan.

**Pengurusan risiko** juga diberi **penekanan khusus**, dengan risiko-risiko utama seperti nisbah penerbitan berindeks yang rendah dan rendahnya penglibatan strategik dalam projek penyelidikan dikenalpasti dan dimitigasi melalui pelbagai langkah. Contohnya, FPN berjaya menurunkan tahap risiko bagi projek Research Grant Venture melalui penganjuran bengkel-bengkel khusus dan melibatkan panel penilai luar yang berpengalaman.

**Proses kajian semula dan penambahbaikan perancangan strategik** dijalankan secara berkala, dengan setiap kemajuan dianalisa untuk memastikan ia selari dengan objektif fakulti dan universiti. Melalui pendekatan ini, Fakulti Perakaunan telah **memperkenalkan inovasi seperti pelantikan Alumni Ambassador untuk memperkasakan jaringan alumni**, serta mempertingkatkan pengurusan jaringan industri melalui **penilaian semula prosedur kualiti fakulti**.

Keberkesanan hasil analisa perancangan strategik yang sistematik, pengurusan risiko yang cekap, keterlibatan menyeluruh, serta input penambahbaikan dari warga FPN menyumbang kepada kecemerlangan FPN apabila berjaya mengekalkan **SKORi-UiTM melebihi 80% selama lima tahun berturut-turut dan meraih tempat ketiga dengan penarafan 6-STAR pada tahun 2023**. FPN juga memenangi **Anugerah Tindakan Strategik Terbaik pada Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023**. Dengan perancangan yang teliti, pelaksanaan berkesan, pemantauan rapi, dan tindakan penambahbaikan berterusan, FPN terus komited menjadi **pusat kecemerlangan dalam bidang perakaunan dan menyumbang kepada pencapaian matlamat strategik UiTM serta Wawasan Kemakmuran Negara 2030**.

Keseluruhannya, FPN berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pendidikan tinggi melalui sinergi, permuafakatan, dan komitmen warga FPN dalam melaksanakan perancangan strategik yang komprehensif dan berkesan. FPN terus berusaha



untuk menjadi apresiasi kepada fakultas dan di UIN dan universitas lain di perguruan nasional dan antarabangsa.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PS Fakulti Perakaunan 2023 (PSFPN 2023) disediakan berdasarkan **Pelan Strategik UiTM 2025** bagi menjadikan UiTM universiti terkemuka dunia dan interpretasi UiTM dalam penerjemahan dan penyahutan aspirasi **Wawasan Kemakmuran Negara 2030**. Pembentukan PSFPN2023 dilakukan dengan teliti dan berlandaskan Pelan Strategik seperti berikut:

- a. **Teras Strategik Tiga RMK-11** untuk meningkatkan Pembangunan Modal Insan bermatlamat untuk melahirkan graduan bertaraf global yang holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang dari segi rohani dan jasmani.
- b. **PPPMP 2013 – 2025** yang bermatlamat meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global melalui penyampaian pendidikan dan penyelidikan berkualiti.
- c. **Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)** untuk menjadikan pendidikan sebagai usaha ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh untuk melahirkan modal insan seimbang dan harmonis.
- d. **Pelan Strategik UiTM 2025** untuk menjadikan UiTM Universiti Tersohor Dunia 2025. Melaluinya JIK diperkasakan dengan meletakkan bidang ini dibawah Tema Strategik 2 dan 5.
- e. **Pelan Strategik FPN 2020-2025** telah dirangka seiring dengan matlamat Pelan Strategik UiTM.

Bengkel PSFPN2023 telah mengemudikan pelaksanaan projek utama melalui lantikan beberapa pengurus projek yang bagi memandu pencapaian dan pemeraksanaan bidang PPP. Projek-projek utama yang dimaksudkan ialah:

**Projek 1: Research Venture Grant:** Keselarian inisiatif dan pendekatan berterusan dengan pencapaian *Globally Marketable* tahun 2023.

Pencapaian *Globally Marketable* bagi gelombang tahun 2022-2023 dalam Pelan Strategik UiTM 2025 adalah disandarkan kepada pencapaian PPP secara berkala di FPN. Demi mencapai matlamat ini, projek **Mini Sabatikal** diadakan untuk peningkatan penerbitan di jurnal berindeks. **BUKTI 1** menyenaraikan warga FPN yang terlibat dengan projek ini.

Siri webinar bersama dengan professor pelawat diadakan khusus bagi memperoleh geran penyelidikan dan menghasilkan penulisan yang bertaraf global, bertujuan untuk **menembus penerbitan berimpak** di jurnal SCOPUS, Q1 hingga Q4 dan lainnya (**BUKTI 2**).

**Projek 2: Fit to Publish:** Inisiatif berterusan bagi menjamin penerbitan berimpak secara berterusan oleh pensyarah FPN selari dengan objektif Universiti untuk pencapaian *Globally Marketable*. Tujahan ini lahir dari keselarian projek *Research Venture Grant* dan *Fit to Publish* melalui inisiatif Mini Sabatikal. Dengan mengadakan bengkel penulisan *Research Writing Boot Camp* (**BUKTI 3**) telah meningkatkan keterjaminan pencapaian inisiatif *Fit to Publish*.

Usaha ke arah kelestarian penerbitan ini ditingkatkan melalui inisiatif menterjemah PhD thesis kepada format penerbitan di jurnal berimpak tinggi. *PhD Thesis Publication Workshop* ini dijalankan seiring dengan *Research Writing Boot Camp* dengan tujuan menerbitkan kertas penyelidikan hasil dari PhD.

**Projek 3: Route to HIP (High Impact Publication):** inisiatif dan pendekatan berterusan bagi projek *HIP (High Impact Publication)* ini selari dengan beberapa projek yang lainnya seperti *INNO<sup>3</sup> (new product/ system/ innovation/ KIK/ Operational Excellence/ International SOP* dan juga *Fit to Publish*.

Projek ini dilaksanakan melalui *Research Talent Cluster (RTC)* yang dimulakan tahun 2020 melalui inisiatif berterusan FPN dalam memupuk pembudayaan dan pemerkasaan PPP. Sejumlah 8 RTC berjaya diwujudkan (**BUKTI 4**) dan telah berjaya menyelaras pelbagai projek dengan kerjasama dalaman, kolaborasi bersama industri dan antarabangsa mengikut bidang pengkhususan.

Kelestarian semua projek yang direncanakan dalam PSFPN 2023 dapat dibuktikan melalui laporan pencapaian SKORi–UiTM FPN yang menunjuk peningkatan berterusan (**BUKTI 5**).

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_P01\\_PB02\\_20241\\_FPN\\_2.2a\\_Senarai nama bagi keterlibatan mini sabbatical bagi tahun 2023.pdf](#)
2. [F0014\\_P01\\_PB02\\_20242\\_FPN\\_2.2b\\_Program bersama professor pelawat \(Visiting Professor\).pdf](#)
3. [F0014\\_P01\\_PB02\\_20243\\_FPN\\_2.2c\\_Research Writing Bootcamp.pdf](#)
4. [F0014\\_P01\\_PB02\\_20244\\_FPN\\_2.2d\\_Diagram Research Talent Cluster Fakulti Perakaunan – FACT RTC .pdf](#)
5. [F0014\\_P01\\_PB02\\_20245\\_FPN\\_2.2e\\_Pencapaian UiTM I-Score Fakulti Perakaunan tahun 2023 mengikut sukuan.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kesinambungan dan keselarian semua projek yang digariskan dalam PS adalah penting bagi FPN menuju ke tahap *Globally Marketable* tahun 2023. Ini dibuktikan melalui pencapaian UiTM i-score FPN tahun 2023 yang meningkat secara berkala berdasarkan laporan sukuan PS. Terbukti, FPN sentiasa komited dalam penyampaian perancangan strategik dan juga penghasilannya.

Untuk memastikan perancangan strategik selari dengan konsep perluasan yang disebut, beberapa bengkel dan perbincangan telah diadakan oleh ahli jawatankuasa perancangan strategik. Pengurus dan PSTU FPN bertindak sebagai urusetia untuk memastikan perancangan dicapai dan masalah dikenalpasti sepanjang proses. **BUKTI 1** menyenaraikan siri pembentangan pencapaian FPN sukuan tahun 2023.

Tadbir urus FPN menggunakan **kaedah komunikasi dua hala untuk menyampaikan dan meyebarkan maklumat** kepada semua warga FPI mengenai inisiatif yang telah disasarkan. Penyampaian maklumat yang jelas dan bersistematik kepada warga FPN juga memberi ruang kepada pihak pengurusan FPN memberi arahan dan sekaligus memberi peluang kepada warga FPN memberi pandangan dan maklumbalas.

Kaedah komunikasi ini diperkukuhkan lagi dengan penggunaan **medium komunikasi secara digital** seperti aplikasi Whatsapp (**BUKTI 2**), Facebook FPN (**BUKTI 3**) serta Instagram FPN (**BUKTI 4**), laman sesawang dan juga penyebaran maklumat melalui email. Strategi penyebarluasan kepada warga FPN dan pemegang taruh mengambil **pendekatan menyeluruh**, dapat secara langsung menggalakkan cetusan idea baru bagi tujuan penambahbaikan sistem pengurusan terutamanya dalam menyebarluas agenda perancangan strategik bagi tahun semasa dan juga perancangan jangka panjang. **Komunikasi** bersama pemegang taruh (*stakeholders*) dilaksanakan **secara berkala** melalui program '**Meet and Greet**' dimana beberapa alumni yang berjaya dilantik sebagai **Alumni Ambassador** yang berperanan untuk meningkatkan jaringan kerjasama bersama Fakulti Perakaunan (staf dan pelajar), alumni dan terutamanya pihak Industri. **Alumni Ambassador** juga memainkan peranan dalam pemasaran Fakulti Perakaunan kepada bakal-bakal pelajar (siswazah dan pasca-siswazah) melalui kerjasama jaringan ini. Mereka juga bertindak sebagai pemangkin bagi sebarang projek usahasama melibatkan penyelidikan dan konsultansi berkaitan dengan bidang-bidang yang telah digariskan melalui penubuhan RTC (Research Talent Cluster).

Penyebarluasan perancangan strategik melalui "**Alumni Ambassador**" ini dilanjutkan dengan peranan yang dimainkan oleh RTC, melalui perbincangan dan perjumpaan di Industri bagi memungkinkan sebarang pelaksanaan berkaitan dengan pencapaian perancangan strategik.

Kepimpinan tadbir urus FPN sentiasa komited dalam memastikan segala keperluan sumber adalah mencukupi dalam menjalankan aktiviti bagi pencapaian program dan pencapaian bidang tumpuan yang telah ditetapkan, seperti memastikan bahagian sumber manusia boleh berfungsi sepenuhnya untuk menyokong menjayakan bidang tumpuan dan pencapaian utama lain fakulti. Semua perluasan perancangan strategik ini tidak dapat disampaikan dengan cemerlang kepada semua warga fakulti tanpa sistem komunikasi yang baik seperti yang dinyatakan di atas. Laman web rasmi FPN, menjadi rujukan asas sebagai penyampaian perluasan sistem komunikasi fakulti kepada bukan hanya warga, tetapi kepada semua pemegang taruh (**BUKTI 5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_P01\\_PB03\\_20241\\_FPN\\_2.3a\\_Siri pembentangan pencapaian fakulti mengikut sukuan tahun 2023.pdf](#)
2. [F0014\\_P01\\_PB03\\_20242\\_FPN\\_2.3b\\_Komunikasi melalui Whatsapp Group Fakulti](#)

[Perakaunan.pdf](#)

3. [F0014\\_P01\\_PB03\\_20243\\_FPN\\_2.3c\\_Komunikasi melalui Facebook Fakulti Perakaunan.pdf](#)
4. [F0014\\_P01\\_PB03\\_20244\\_FPN\\_2.3d\\_Komunikasi melalui Instagram Fakulti Perakaunan.pdf](#)
5. [F0014\\_P01\\_PB03\\_20245\\_FPN\\_2.3e\\_Laman Sesawang Web Fakulti Perakaunan .pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan pencapaian PS dijalankan **setiap suku tahun** oleh Jawatankuasa PS untuk memastikan pencapaian projek. Jika sasaran tidak tercapai, masalah dikenalpasti dan **tindakan intervensi** dilaksanakan oleh Jawatankuasa PS. Pengurusan FPN menggunakan mekanisme pemantauan efektif di setiap peringkat hierarki; *tadbir urus FPN, sistem UePMO, dashboard Power BI, sistem UiSMS, Mesyuarat Suku Tahun Perancangan Strategik dan MKSP*. Mekanisme ini melibatkan interaksi secara bersemuka dan dalam talian, bagi memastikan **komunikasi dua hala** untuk perancangan dan penambahbaikan. Hasilnya, FPN berjaya mendapat tempat ketiga dengan penarafan 6-STAR dan SKORi-UiTM 94.9% pada tahun 2023

Sebanyak **14 projek PSFPN2023, termasuk 3 projek PI**, telah didaftarkan dalam sistem SAP UiSMS untuk pemantauan (**BUKTI 1**). Projek fakulti di bawah setiap pemilik PI dikenalpasti oleh pengurusan FPN untuk memantau pencapaian PS, berasaskan kepada *Strategic Thrust* UiTM. Projek-projek ini **diawasi oleh pengarah dan pengurus projek** yang dilantik secara berkala, bersama pasukan khas yang diberi tanggungjawab. Bahagian RICAEN memantau inisiatif bidang tumpuan secara fokus (**BUKTI 2**) dan memastikan komunikasi dilaksanakan secara berterusan kepada warga, seperti melalui e-mel, supaya warga FPN peka tentang kemajuan PPP dalam mencapai petunjuk prestasi.

Pemantauan dalam talian pencapaian PI FPN dilakukan melalui sistem **UePMO dan dashboard Power BI dari Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**. PSTU mengakses UePMO untuk mendapatkan laporan pencapaian PI **setiap bulan**, dan bersama tadbir urus FPN memantau kemajuan (**BUKTI 3**). Pengurus projek melaporkan **pencapaian bulanan** setiap PI ke dalam sistem peneraju. Bagi PS, progres projek dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan PS melalui **pelaporan status pencapaian projek**. Jawatankuasa ini mengenal pasti **pelan tindakan** untuk mencapai sasaran strategik FPN.

Pemantauan khusus dilakukan setiap bulan melalui "**FACT Strategy Scorecard**" dengan menilai varians pencapaian setiap penunjuk prestasi yang ditetapkan (**BUKTI 4**). Bagi keberkesanan dan kecekapan, pemantauan dilakukan secara **Management by Exception**, memberi tumpuan kepada **perbezaan ketara (warna merah)** antara sasaran dan pencapaian untuk tindakan intervensi.

**Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** diadakan **dua kali setahun** bagi memastikan inisiatif sejajar dengan strategi. MKSP memastikan objektif kualiti FPN dinilai semula, pencapaian projek PS serta MyRA dipantau. Setiap projek akan dipadankan dengan indikator prestasi, garis masa pencapaian ditetapkan, tahap risiko dinilai, dan pelan mitigasi untuk pemantauan (**BUKTI 5**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_FPN\\_2.4.1a\\_Senarai Projek Perancangan Strategik FPN.pdf](#)
2. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_FPN\\_2.4.1b\\_Komunikasi melalui E-mel kepada Warga dalam Proses Pemantauan Penunjuk Prestasi.pdf](#)
3. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_FPN\\_2.4.1c\\_Progres Perancangan Strategik Dari Suku Ke-tiga ke Suku Ke-Empat.pdf](#)
4. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_FPN\\_2.4.1d\\_Laporan pencapaian PI setiap bulan melalui UePMO.pdf](#)
5. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20245\\_FPN\\_2.4.1e\\_Fact Scoreboard.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko FPN berpandukan **Polisi Pengurusan UiTM dan Pelan Tindakan Kawalan Risiko** FPN bagi menggariskan pelan tindakan pengurusan risiko dan aktiviti pengurusan risiko yang teratur (**BUKTI 1**). Ia merangkumi proses mengenalpasti, menganalisa, mitigasi dan memantau risiko FPN dalam usaha mencapai objektif dan sasaran.

### 1. Kenalpasti risiko

FPN telah **mengenalpasti risiko** berkaitan PPP melalui input yang diperolehi daripada kumpulan sasaran menerusi pelbagai mekanisme seperti, **laporan Audit dalaman FACT (iQMS) setiap tahun, laporan Audit luar InQKA 2 kali setahun, Brainstorming melalui Bengkel Perancangan Strategik setiap tahun**, dan **analisa proses** atau **kerangka** bidang tumpuan menerusi analisis **SWOT**. Dengan ini, beberapa punca risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan tiga projek utama perancangan strategik iaitu *Fit to Publish*, *Research Grant Venture* dan *Route to High Impact Publication (HIP)* telah dikenalpasti (**BUKTI 2**).

### 2. Analisa risiko

Risiko yang dikenalpasti **dianalisa** dalam **Bengkel Perancangan Strategik FPN dan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR)**. **Proses analisis** melibatkan penentuan kategori, punca dan tahap magnitude serta impak risiko tersebut kepada FPN. Risiko utama kepada projek *Fit to Publish* dan HIP adalah nisbah penerbitan berindeks yang rendah manakala risiko utama projek *Research Grant Venture* pula adalah 'strategik engagement' yang rendah. (**BUKTI 3**). Setelah analisis risiko selesai, Penyelaras Pengurusan Risiko mendaftarkan risiko bidang tumpuan menerusi sistem **e-RMS (Risk Management System) (BUKTI 4)** manakala PSTU akan mendaftarkannya pada sistem **UiTM Strategic Management System (UiSMS)** pada peringkat projek (SAP).

### 3. Mitigasi risiko

**Proses mitigasi** dilakukan melalui kaedah kawalan strategi bagi setiap risiko yang didaftarkan. Contohnya, FPN telah mendapati tahap risiko tinggi projek *Research Grant Venture* telah menurun pada akhir suku ke-3 setelah berjaya melaksanakan proses mitigasi bagi risiko tersebut kesinambungan dari bengkel-bengkel Geran KPT (FRGS dan PRGS) dan menjemput panel penilai geran berpengalaman dari luar untuk berkongsi ilmu.

### 4. Pemantauan risiko

Tahap risiko dan proses mitigasi **dipantau** menerusi proses kemaskini risiko dan **dihantar kepada Penyelaras risiko FPN setiap suku tahun** dan pemantauan yang melibatkan semua ahli JPR FPN melalui mesyuarat pengurusan risiko yang diadakan **3 kali setahun**. Risiko projek yang didaftarkan di **UiSMS** turut dipantau dan dikaji semula pada setiap **3 bulan** menerusi mesyuarat perancangan strategik melibatkan pengarah, pengurus projek dan tadbir urus FPN (**BUKTI 5**).

## **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_FPN\\_2.4.2a\\_Pelan Tindakan Kawalan Risiko FACT dan Polisi Pengurusan Risiko UiTM UiTMUPRBIL.12022.pdf](#)
2. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_FPN\\_2.4.2b\\_Punca Risiko dikenalpasti.pdf](#)
3. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_FPN\\_2.4.2c\\_Risiko 3 Projek Utama.pdf](#)
4. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_FPN\\_2.4.2d\\_E-mel Pemantauan Berkala Risiko FACT dan ERMS.pdf](#)
5. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20245\\_FPN\\_2.4.2e\\_Laporan PS FPN dalam UiSMS tahun 2023.pdf](#)





### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PS memberi panduan bagi pengurusan kanan FPN menyediakan mekanisme **pemantauan yang sistematik** bagi memantau pencapaian inisiatif berkaitan PPP. **Pencapaian setiap inisiatif yang menyumbang kepada peratusan SKORi-UiTM FPN**, dianalisa melalui sistem UePMO dan Power BI secara berkala, terutamanya **setiap tiga bulan mengikut** garis masa pelan tindakan pemantauan perancangan strategik FPN SAP 2023 (**BUKTI 1**). Pencapaian kemajuan ini dianalisa bagi memastikan pencapaian output kekal selari dengan halatuju FPN dan UiTM. **Analisa risiko** juga dilakukan untuk memastikan mitigasi risiko dan langkah penambahbaikan diambil awal sekiranya berlaku halangan sepanjang pelaksanaan inisiatif. Dengan ini impak risiko dapat dikurangkan dalam mencapai sasaran PI yang ditetapkan UiTM.

Hasil analisa pemantauan dan pencapaian inisiatif ini dibentangkan melalui:

1. **Mesyuarat Kaji Selidik Pengurusan (MKSP)** yang dibentangkan oleh Pengurus dan Penyelaras PS setiap 2 kali setahun kepada pengurusan kanan FPN
2. **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko** yang dibentangkan oleh Penyelaras Risiko setiap 3 kali setahun kepada pengurusan kanan FPN (**BUKTI 2**).
3. **Mesyuarat, sesi perbincangan, taklimat, hebahan e-mel, dan nota pendek melalui medium maya dan fizikal bersama warga FPN** agar semua mendapat input secara tepat dan pantas (**BUKTI 3**).

Input dan maklum balas berharga warga juga dikumpulkan secara efisien menerusi aplikasi seperti Facebook, WhatsApp dan Google Form memandangkan capaiannya lebih mudah, menepati perubahan keadaan semasa dan mesra pengguna.

Susulan input kaji semula dan penambahbaikan dari seluruh warga FPN, **tindakan kawalan sedia ada bagi inisiatif strategik dapat ditambahbaik**. Pelbagai inovasi terhasil dari penambahbaikan ini antaranya, inovasi penambahbaikan operasi seperti memperkasakan pengurusan jaringan Alumni melalui pelantikan **Alumni Ambassador** (AA) yang membolehkan **penambahbaikan pengurusan jaringan industri** dikenal pasti setelah penilaian semula carta alir prosedur kualiti PO 15 - Pengurusan Jaringan Industri dan Masyarakat dilakukan. FPN mendapati terdapat kekangan mendapatkan pakar yang sesuai untuk aktiviti dan tiada penglibatan strategik berterusan bersama Alumni dan diselesaikan dengan **lantikan AA** seterusnya berjaya memperkasa jaringan alumni dan FPN (**BUKTI 4**).

Keseluruhannya, keberkesanan hasil penganalisaan perancangan strategik yang sistematik, pengurusan risiko yang cekap, keterlibatan menyeluruh, serta input nilai tambah dan penambahbaikan dari warga telah menyumbang kepada kelestarian kecemerlangan FPN. Ini terbukti apabila FPN berjaya mendapat SKORi-UiTM 2023 tertinggi di kalangan bidang Sains Sosial (**BUKTI 5**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_FPN\\_2.4.3a\\_Panduan dan Garis Masa SAP 2023.pdf](#)
2. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_FPN\\_2.4.3b\\_Mesyuarat JP Risiko Bil 1 2023.pdf](#)
3. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_FPN\\_2.4.3c\\_Mesyuarat Akademik\\_22 Sept 2023-Slide TD RICAEN.pdf](#)
4. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_FPN\\_2.4.3d\\_Penambahbaikan pengurusan jaringan industri -Template Kriteria Penilaian 2023\\_ALUMNI.pdf](#)
5. [F0014\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20245\\_FPN\\_2.4.3e\\_Skor i-UiTM 2023 tertinggi dikalangan bidang Sains Sosial.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Pembudayaan perancangan strategik** diterapkan oleh FPN kepada seluruh warga melalui sesi perkongsian secara **bengkel, pelaporan, pemantauan dan mesyuarat secara berkala**. Melalui Projek *Fit to Publish*, perancangan strategik PPP dibudayakan melalui aktiviti bersiri seperti webinar dan bengkel penulisan bersemuka yang digerakkan melalui *Talent Custer, Research Bootcamp* dan Mini Sabatikal (**BUKTI 1**) dianjurkan oleh RICAEN FPN bagi merencanakan budaya penulisan di kalangan warga. Berdasarkan risiko berkaitan yang dikenalpasti, FPN menyediakan inisiatif seperti Yuran Pengajian Artikel (YPA), *Proofreading Services* dan Dana Dalam Fakulti (DDF).

Projek *Route to High Impact Publication* (HIP) juga dibudayakan melalui penubuhan *Research Track* dan *Research Champion* bagi meningkatkan bilangan penerbitan. Projek *Research Grant Venture* pula diberikan fokus melalui bengkel-bengkel Geran KPT (FRGS dan PRGS), Taklimat Khas Inisiatif Sokongan Baharu Penerbitan dan penubuhan kumpulan sasaran bagi setiap permohonan geran berdasarkan *database* profil penyelidikan pensyarah (**BUKTI 2**).

PS FPN yang sejajar dengan agenda Universiti berjaya memenuhi PI yang telah ditetapkan dalam PPP melalui **inisiatif yang berimpak tinggi** seperti *1 staff, 1 publication and 1 corresponding author*. Inisiatif yang disebar luas melalui Taklimat Dekan, Pengurusan Kanan, e-mel rasmi, dan laman sesawang FPN membuktikan penglibatan setiap lapisan profil iaitu staf akademik, staf pentadbiran, dan pelajar (**BUKTI 3**). **Pembudayaan** perancangan strategik ini dianggap berjaya dan telah dibuktikan apabila FPN memenangi **Anugerah Tindakan Strategik Terbaik pada Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023** dan menjadi aspirasi kepada fakulti lain di UiTM (**BUKTI 4**).

Bagi memacu warga FPN dalam memperkasa ketampakan, warga senantiasanya digalakkan **berkolaborasi dengan industri dan universiti luar di peringkat global dalam PPP dengan mengadakan konferensi dan webinar**. Melalui inisiatif dan pemantauan PS yang efisien pula, **produk penyelidikan berimpak tinggi FPN iaitu i-asnaf ACT berjaya dikomersialkan (BUKTI 5)** dan telah memberi banyak manfaat kepada universiti dan komuniti serta pembudayaan inovasi kepada pelajar.

FPN menyemarakkan budaya PPP melalui sinergi, permuafakatan dan sifat kebersamaan warganya. Seperti petikan daripada Amanat Naib Canselor 2024: '*Apabila wujud kebersamaan jiwa dalam diri kita, maka akan hadir kebersamaan semangat dan kefahaman yang membawa kita untuk mendayung ke arah yang sama*'.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_P01\\_PB05\\_20241\\_FPN\\_2.5a\\_FPN Talent Cluster Mini Sabbatical and Research Bootcamp.pdf](#)
2. [F0014\\_P01\\_PB05\\_20242\\_FPN\\_2.5b\\_Research Track Research Champion Bengkel FRGS Taklimat Khas Inisiatif Sokongan Baharu Penerbitan.pdf](#)
3. [F0014\\_P01\\_PB05\\_20243\\_FPN\\_2.5c\\_E-mel hebahan Pencapaian PI.pdf](#)
4. [F0014\\_P01\\_PB05\\_20244\\_FPN\\_2.5d\\_Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik.pdf](#)
5. [F0014\\_P01\\_PB05\\_20245\\_FPN\\_2.5e\\_Produk Inovasi i-Asnaf AKNC\\_2023.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Perakaunan (FPN) di UiTM telah merangka **perancangan yang holistik** untuk memastikan **penglibatan pelanggan** dalam inisiatif **Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan (PPP)**. Pelanggan dikenalpasti meliputi **pelanggan dalaman** seperti **penyelidik fakulti dan pelajar**. Manakala **pelanggan luaran** termasuk **kolaborator dari universiti tempatan dan antarabangsa, industri, agensi kerajaan, dan komuniti**. Perancangan strategik FPN selari dengan pelan strategik UiTM2025, yang menekankan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan bertaraf global. Projek utama seperti *Fit to Publish, Route to High Impact Publication* dan *Research Grant Venture* adalah fokus utama dalam memastikan penyelidikan berkualiti tinggi dan diterbitkan dalam jurnal berindeks tinggi.

Pelaksanaan strategi ini dikawal selia oleh pejabat RiCAEN, yang memastikan **pengumpulan data pelanggan secara konsisten dan sistematik** melalui template pelaporan pencapaian FACT Talent Cluster. Data yang dikumpul termasuk jumlah geran, konsultasi, jaringan, anugerah, dan penyeliaan. Penglibatan pelanggan dalaman dan luaran diperkasa melalui program seperti **Mini Publication Sabbatical (MPS), webinar, dan International Conference on Governance and Accountability (ICGA) 2023**. **Kolaborasi** dengan universiti dan industri turut dijalankan secara **meluas**, contohnya dengan **ARI, USIM, UMS**, dan beberapa **universiti dari Indonesia, South Africa, Brunei, dan Uzbekistan**. Selain itu, FPN juga telah menjalankan **program bersama Maybank dan Suruhanjaya UNESCO Malaysia** untuk pemindahan ilmu kepada golongan asnaf.

**Pemantauan yang berkesan** adalah kunci dalam memastikan keberhasilan projek. Pemantauan dilakukan oleh **RiCAEN** dan ketua **Talent Cluster** melalui laporan kemajuan penyelidikan dan penerbitan. Pemantauan berkala ini memastikan setiap projek mencapai standard yang tinggi. Laporan pencapaian dibentangkan dalam mesyuarat penting fakulti seperti **JAF** dan **MKSP, Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti** membolehkan pengurusan membuat keputusan yang berinformasi. Maklum balas pelanggan dikumpulkan melalui pelbagai mekanisme seperti laporan aktiviti, e-aduan, e-maklum balas, dan google form. Ini membantu dalam menilai kepuasan pelanggan dan mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan.

Berdasarkan **analisa pemantauan, tindakan penambahbaikan** dilakukan untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan penerbitan. FPN juga mengambil tindakan proaktif dalam menangani risiko yang dikenalpasti. Perancangan sistematik di FPN turut mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. **Inovasi diperkenalkan melalui pelbagai program seperti Mini Publication Sabbatical, Fit to Publish, Research Grant Venture, dan Route to High Impact Publication**, yang memberikan penyelidik peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan dan penerbitan. Perkongsian pengetahuan antara penyelidik diperkasa melalui webinar, bengkel, dan konferensi yang melibatkan penyelidik dari dalam dan luar negara. FPN juga memanfaatkan platform digital seperti laman sesawang untuk menyebarkan maklumat penyelidikan, mempromosikan kejayaan penyelidik, dan menarik lebih banyak kolaborasi strategik. Dengan pendekatan yang sistematik dan inklusif, FPN berjaya meningkatkan penglibatan pelanggan dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan, sekaligus memperkukuh daya tahan pihak berkepentingan dan meningkatkan reputasi institusi di peringkat nasional dan antarabangsa.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**Penglibatan pelanggan secara aktif dan holistic** menjadi tonggak utama kepada pencapaian matlamat penghasilan penyelidikan berkualiti tinggi. Jesteru itu mengenalpasti pelanggan yang tepat adalah penting bagi memastikan hasil penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan berkualiti tinggi. Pelanggan yang dikenalpasti dalam konteks ini adalah **pelanggan dalaman** yang terdiri daripada **penyelidik fakulti dan pelajar pasca siswazah**.

Manakala **pelanggan luaran** terdiri daripada **Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI) kolaborator penyelidikan universiti tempatan dan antarabangsa, alumni, rakan industri, agensi kerajaan dan komuniti. Perancangan yang teliti dan sistematik** oleh pejabat RICAEN telah dibuat dalam memastikan pemilihan pelanggan yang tepat dibuat bagi menjayakan projek bidang tumpuan iaitu *Fit To Publish, Research Grant Venture, dan Route to High Impact Publication*.

**Perancangan** yang dibuat adalah **selari dengan keperluan perancangan *strategic action plan*** fakulti yang turut memberikan fokus kepada penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi (Bukti1). **Perancangan yang lebih berfokus** telah dibuat dengan membahagikan pelanggan dalaman kepada beberapa kategori penyelidik iaitu penyelidik research champion, penyelidik research track, penyelidik muda dan denominator berpotensi (Bukti 2).

Pembahagian kategori penyelidik ini membolehkan aktiviti yang lebih berfokus dan **bersifat inklusif** dapat dirangka dengan meraikan keberbagaian tahap kemahiran menjalankan penyelidikan dan penerbitan. Pemilihan kategori penyelidik seperti research champion dan research track dibuat oleh pihak pengurusan tertinggi FPN berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan serta prestasi pencapaian dan penghasilan inovasi yang berjaya dihasilkan.

FPN juga merancang bagi memastikan **menfaat inisiatif** bidang tumpuan turut **diperolehi oleh pelajar** terutama pelajar pasca siswazah. Sebagai contoh, FPN meluluskan penglibatan pelajar di dalam penganjuran ICGA2023 (Bukti 3). Perancangan juga dibuat untuk menarik penglibatan pelanggan luaran seperti kolaborator dari kalangan penyelidik universiti tempatan dan luar negara, industri, alumni dan agensi kerajaan. Diantara kolaborator penyelidik (Bukti 4) yang aktif adalah seperti **ARI, USIM, UMS, beberapa buah universiti daripada Indonesia, South Africa, Brunei, Uzbekistan** dan lain-lain. **Kolaborasi strategic** juga dibuat bersama **rakan industri, agensi kerajaan seperti Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Maybank**. Perancangan pelaksanaan penyelidikan bersama rakan kolaborasi dilaksanakan secara sistematik melalui **program *meet and greet*** bersama pengurusan kanan dan pejabat ricanen dan dibantu HEA & HEP (Bukti 3.5). Hasil perbincangan telah menghasilkan berbagai aktiviti penyelidikan dan penulisan termasuk menjalankan webinar series.

Pelanggan luaran yang turut diutamakan di dalam perancangan FPN adalah komuniti. Sebagai contoh melalui **kolaborasi penyelidik FPN, Maybank dan Suruhanjaya UNESCO** telah menawarkan geran untuk menjalankan program pemindahan ilmu kepada golongan asnaf. Perancangan yang teliti juga dibuat dalam memastikan keperluan pelanggan dapat dipenuhi seperti keperluan geran penyelidikan serta bantuan peningkatan kemahiran dalam penyelidikan dan penerbitan. Dengan demikian, projek ini bukan sahaja akan memperkukuh daya tahan pihak berkepentingan melalui penyelidikan yang berimpak tinggi tetapi juga meningkatkan reputasi dan kredibiliti institusi penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20241\\_FPN\\_3.2a\\_FACT Strategic Action Plan 2023.pdf](#)
2. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20242\\_FPN\\_3.2b\\_Penyelidik Dalaman.pdf](#)
3. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20243\\_FPN\\_3.2c\\_Penglibatan pelajar Pasca Siswazah ICGA2023.pdf](#)
4. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20244\\_FPN\\_3.2d\\_Penglibatan Pelanggan Luaran.pdf](#)

5. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20245\\_FPN\\_3.2e\\_Program meet and greet.pdf](#)
6. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20241\\_Bukti 3.2.1\\_FACT Strategic Action Plan 2023.pdf](#)
7. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20242\\_Bukti 3.2.2\\_Penyelidik Dalaman.pdf](#)
8. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20243\\_Bukti 3.2.3\\_Penglibatan pelajar Pasca Siswazah ICGA2023.pdf](#)
9. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20244\\_Bukti 3.2.4\\_Penglibatan Pelanggan Luaran.docx.pdf](#)
10. [F0014\\_T01\\_TB02\\_20245\\_Bukti 3.2.5\\_Program meet and greet.docx.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPN memastikan pengumpulan data pelanggan dilakukan secara **konsisten dan sistematik**. Usaha ini **dikoordinasikan oleh pejabat RiCAEN** yang bertindak sebagai mengawal selia aktiviti PPP **dibantu oleh talent cluster**. Pengumpulan utama data pelanggan dalaman dibuat melalui **template pelaporan pencapaian** FACT Talent Cluster dan pelaporan MyATP (Bukti 1). Data ini memberikan maklumat tentang pencapaian sasaran penyelidikan dan penerbitan setiap ahli. Data pelanggan berkaitan jumlah geran, konsultansi, jaringan dan hubungan, anugerah, dan penyeliaan juga disimpan didalam pelaporan tersebut. Pengumpulan data pelanggan **data yang komprehensif dan terkini**, ini membolehkan pejabat RiCAEN dan FACT Talent Cluster memahami sejauh mana objektif penyelidikan telah dicapai dan mengenalpasti keperluan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Ini termasuk mengenalpasti penyelidik yang memerlukan sokongan tambahan atau yang layak menerima anugerah dan pengiktirafan.

**Penyebaran secara meluas** maklumat pelanggan seperti keanggotaan talent research cluster (Bukti 2) dibuat melalui **sesawang FPN**. Kaedah ini bukan sahaja memberi maklumat kepada warga fakulti tetapi telah **menarik minat ramai rakan kolaborasi daripada pensyarah cawangan** dan jugak pensyarah fakulti lain. Sebagai contoh keanggotaan talent research cluster turut dianggotai oleh pensyarah daripada **fakulti undang undang dan pensyarah cawangan Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, dan Sarawak**.

Fakulti juga memberikan perhatian serius untuk pelanggan dalaman mengemas kini data berkaitan penerbitan dan perolehan geran di **sistem UiTM, iaitu PRIME dan IRMIS**. Data pencapaian pelanggan juga disimpan oleh bahagian korporat dan perhubungan fakulti dalam bentuk **galeri pengiktirafan kepakaran** (Bukti 3). Untuk meningkatkan ketampakan kepakaran dan keserjanaan pelanggan dalaman kepada pihak luar, fakulti telah membangunkan **direktori penyelidikan di laman sesawang**. Penyebaran data pelanggan yang meluas ini telah menarik minat ramai kolaborator yang terdiri daripada industri, badan kerajaan, badan profesional, serta universiti tempatan dan antarabangsa.

RiCAEN turut menyimpan **data pelanggan luaran seperti rakan kolaborator penyelidik dalam template Excel** yang dibangunkan (Bukti 4). Data yang disimpan dalam bentuk **MoU/MoA juga boleh diakses melalui sistem NILAM UiTM**. Rakan strategik ini dikenalpasti melalui inisiatif yang dijalankan oleh research champion dan talent research cluster. Contohnya, kolaborasi oleh research champion berjaya menarik minat penyelidik dari universiti di Indonesia dan Brunei.

Pelbagai kaedah perluasan digunakan untuk memastikan **penglibatan kumpulan sasar** dalam pelbagai inisiatif PPP. Pelanggan dalaman dilibatkan secara langsung sebagai penyelidik, penulis, pembangun inovasi, penceramah jemputan dan keynote speaker dalam pelbagai aktiviti yang dirancang. Antaranya melalui program Fit to Publish, Research Writing Bootcamp, dan Mini-Sabbatical yang memberikan peluang untuk menghasilkan manuskrip berkualiti tinggi. Pelanggan dalaman dan luaran juga terlibat dalam aktiviti peringkat antarabangsa (Bukti 5) melalui pengendalian **International Conference on Governance and Accountability (ICGA) 2023**. Melalui perluasan pengendalian konferensi antarabangsa ini, penglibatan pelbagai peringkat pelanggan sebagai penceramah jemputan, keynote speaker, dan pembentang telah dibuka. Penglibatan pelanggan luaran secara meluas juga dapat dilihat dalam penyertaan Webinar series bersama pihak industri, serta kolaborator nasional dan antarabangsa. Penglibatan **rakan kolaborasi industri** dan **badan kerajaan** juga telah menyumbang geran penyelidikan bagi kegunaan penyelidikan. Diantara geran penyelidikan yang diperolehi adalah daripada **MayBank, Kementerian Ekonomi, AKEPT & Jabatan Akauntan Negara**.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_T01\\_TB03\\_20241\\_FPN\\_3.3.a\\_Pelaporan Pencapaian.pdf](#)
2. [F0014\\_T01\\_TB03\\_20242\\_FPN\\_3.3.b\\_Keanggotaan talent research cluster.pdf](#)
3. [F0014\\_T01\\_TB03\\_20243\\_FPN\\_3.3.c\\_Data pencapaian pelanggan.pdf](#)
4. [F0014\\_T01\\_TB03\\_20244\\_FPN\\_3.3.d\\_Data rakan kolaborator.pdf](#)
5. [F0014\\_T01\\_TB03\\_20245\\_FPN\\_3.3.e\\_Penglibatan Pelanggan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Mekanisma pemantauan yang berkesan adalah kunci dalam **memastikan kebaikan dan ganjaran diperolehi oleh pelanggan**. Untuk itu, FPN telah melaksanakan **pemantauan di berbagai peringkat secara berkala dan berterusan**. Sebagai contoh **koordinador RICAEN** membuat pemantauan menerusi **laporan kemajuan penerbitan** (Bukti 1) bagi memastikan manfaat secara maksimum diperolehi oleh pelanggan dalaman. **Seterusnya pemantauan tahunan juga dilakukan oleh ketua talent cluster**. Pelbagai mekanisme pelaporan turut disediakan seperti laporan kemajuan penyelidikan dan penerbitan, template **pelaporan pencapaian FACT Talent Cluster** dan **borang penghantaran article, research tracker's achievement, research champion's achievement** dan laporan kemajuan (Bukti 2). Berdasarkan kepada pencapaian ahli, perancangan penambahbaikan seperti bimbingan mentor, sesi perkongsian penyelidikan telah dilaksanakan untuk memastikan setiap projek PPP mencapai standard yang tinggi.

Pemantauan pencapaian pelanggan dalaman juga dilaksanakan melalui **pembentangan pencapaian PPP di mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti** yang dijalankan sebanyak 4 kali dalam setahun (Bukti 3). Disamping itu, pelaporan pencapaian juga dibuat di **mesyuarat pengurusan eksekutif, MKSP dan mesyuarat staf akademik** (Bukti 4). Pemantauan juga dilakukan oleh **penyelaras perancangan strategik** melalui **pelaporan pencapaian SAP FPN**. Laporan pencapaian yang dibentangkan dalam mesyuarat penting fakulti membantu pengurusan membuat keputusan yang lebih tepat dan berinformasi. Ini termasuk mengenal pasti penyelidik yang memerlukan sokongan tambahan atau layak menerima anugerah dan pengiktirafan. Melalui pemantauan ini, anugerah dan pengiktirafan telah dikenalpasti dan diberikan kepada pelanggan dalaman.

Pemantauan kebaikan yang diperolehi oleh pelanggan luaran juga dilakukan menerusi maklumbalas pelanggan. Diantara mekanisme maklumbalas pelanggan adalah melalui laporan pengendalian aktiviti, **e-aduan FACT, e-maklumbalas kepuasan hati pelanggan FACT, whatapp group, google form laporan Laporan Prestasi Jualan dan Keuntungan, Laporan Prestasi Jualan Program I-Asnaf** (Bukti 5). daripada Maklumbalas ini digunakan untuk menilai kepuasan pelanggan terhadap program yang dijalankan dan mengenal pasti sebarang penambahbaikan yang diperlukan. Maklumbalas pelanggan yang positif juga meningkatkan motivasi penyelidik untuk terus terlibat dalam projek-projek PPP. Peserta projek menerima bimbingan berterusan melalui sesi coaching oleh mentor dan perkongsian penyelidikan. Ini membantu dalam pembangunan profesional penyelidik, meningkatkan kemahiran mereka dan membolehkan mereka mencapai potensi penuh.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_FPN\\_3.4.1.a\\_Laporan\\_Kemajuan\\_Penerbitan.pdf](#)
2. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_FPN\\_3.4.1.b\\_Laporan\\_Talent\\_Cluster.pdf](#)
3. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20243\\_FPN\\_3.4.1.c\\_Petikan\\_Minit\\_Mesyuarat\\_JPF.pdf](#)
4. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_FPN\\_3.4.1.d\\_Petikan\\_Minit\\_Mesyuarat\\_MKSP.pdf](#)
5. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20245\\_FPN\\_3.4.1.e\\_Laporan\\_Prestasi\\_Jualan\\_Program\\_I-Asnaf.pdf](#)



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPN sentiasa peka mengenalpasti cabaran dan risiko yang mungkin akan dihadapi dalam pemerkasaan dan merealisasikan keberkesanan penglibatan pelanggan di dalam aktiviti PPP. Menyedari adanya risiko yang boleh menjejaskan penghasilan penyelidikan berimpak tinggi disebabkan kekangan penglibatan pelanggan, maka FPN telah merekodkan tiga risiko berkaitan dengan pelanggan dalaman dan luaran ke daftar risiko FPN (Bukti1). Dengan melaksanakan langkah pencegahan yang strategik, FPN dapat mengatasi risiko berkaitan ketidakcapaian maklumbalas pelanggan dengan baik. Diantaranya, risiko ketidakcapaian maklumbalas **penerbitan dalam prosiding dan jurnal berindeks serta berimpak tinggi**. Tindakan pencegahan dilaksanakan melalui peringatan yang dikeluarkan oleh pejabat RICAEN bagi mengemaskini maklumat berkaitan PPP di sistem MyRA dan Prime (Bukti 2).

**FPN turut berhadapan risiko kegagalan mendapatkan maklumbalas pelaksanaan aktiviti MoU dan MoA dengan "Local Partners" dan industri antarabangsa.** Tindakan pencegahan dilaksanakan dengan memanfaatkan platform FACT Talent Cluster untuk menggerakkan rancangan kolaborasi MoU dan MoA. Disamping itu, peranan Research Champions dimaksimumkan untuk menggerakkan rancangan kolaborasi ini (Bukti 3). Melalui komitmen ini, FPN dapat meningkatkan kualiti penyelidikan dan memperkukuhkan reputasi dan kredibiliti di peringkat nasional dan antarabangsa, seterusnya memberikan ganjaran yang signifikan kepada semua pelanggan yang terlibat (Bukti 4). Bagi menangani ketidakcapaian maklumbalas pelaksanaan program, pejabat RICAEN turut mengeluarkan peringatan kepada PIC yang terlibat.

FPN turut berhadapan dengan **risiko penerimaan geran penyelidikan tidak mencapai sasaran**. Risiko ini diuruskan dengan memohon dana dalaman dari fakulti, meneroka peluang untuk menjalankan kolaborasi "matching grant" bersama industri, universiti luar negara, dan universiti dalam negara (Bukti 5). Selain itu, permohonan Dana Khas bagi Geran Penyelidikan daripada RMC juga dilakukan. Pihak RICAEN juga telah melaksanakan program-program untuk meningkatkan kepakaran pelanggan dalaman dalam memohon geran FRGS & PRGS KPT seperti menjemput panel penilai geran berpengalaman dari luar untuk berkongsi ilmu dan menilai/memurnikan kertas kerja dan mengadakan sesi sembang santai bersama penyelidik-penyelidik yang berjaya mendapatkan geran kompetitif.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_FPN\\_3.4.2.a\\_Daftar pengurusan risiko.pdf](#)
2. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_FPN\\_3.4.2.b\\_Hebahan Mengemaskini Pencapaian PPP.pdf](#)
3. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_FPN\\_3.4.2.c\\_Senarai MOU\\_MOA.pdf](#)
4. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_FPN\\_3.4.2.d\\_Jaringan Industri FPN.pdf](#)
5. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20245\\_FPN\\_3.4.2.e\\_Kolaborasi Matching Grant.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepuasan hati pelanggan adalah menjadi keutamaan FPN. Jesteru, FPN memastikan maklumbalas yang tepat dikumpul dan dianalisa. Maklumbalas diperolehi melalui **berbagai medium** yang disediakan seperti **e-aduan FACT** dan **e-Maklumbalas Kepuasan Hati Pelanggan FACT** (Bukti 1). Manakala maklumbalas terhadap pelaksanaan program seperti maklumbalas penceramah yang dijemput dibuat melalui edaran **soal selidik Google Form**. Sebagai contoh, survey secara online (Google form) akan diedarkan setiap kali selepas aktiviti melibatkan program kendalian RICAEN (Bukti 2). Mesyuarat **post-mortem** bersama AJK pelaksana juga dibuat selepas berakhirnya program untuk mengenal pasti maklumbalas dari pelanggan dan juga tindakan penambahbaikan selanjutnya.

Maklumbalas berterusan juga dibuat bagi program tertentu dalam memastikan kepuasan hati pelanggan dapat diperolehi. Sebagai contoh **maklumbalas secara berkala dibuat kepada peserta program pemindahan ilmu i-Asnaf, program yang terhasil daripada penyelidikan bersama Maybank dan Suruhanjaya UNESCO Malaysia**. Disamping itu, maklumbalas daripada rakan kolaborasi diperolehi melalui **mesyuarat dan sesi dialog** yang diadakan bagi memperbaiki perjalanan program yang akan datang (Bukti 3). Proses mengkaji semula pelaksanaan dan pencapaian pelanggan amatlah penting bagi mengurangkan peratus risiko yang telah dikenal pasti dan memastikan langkah-langkah pencegahan yang strategik dapat dilaksanakan.

Setiap aduan dan maklumbalas yang diterima turut diambil tindakan dengan segera. Maklumbalas berkaitan inisiatif penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang diterima akan dianalisa dan dilaporkan di MKSP (Bukti 4). Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil bagi menangani beberapa isu yang dikenalpasti seperti mengadakan pelan penyelidikan & penerbitan komprehensif yang merangkumi pemberian dana DDF, peranan mentor-mentee, dan Bengkel Penyelidikan Intensif (selama 3 hari). Selain itu, FPN telah mengadakan Mini Publication Sabbatical (Bukti 5) semasa cuti semester dan semasa semester sedang berlangsung.

FPN juga membenteng ulasan pencapaian di MPE, pengurusan perancangan strategik dan mesyuarat staf akademik berkaitan penerbitan berindeks (pensyarah Fakulti sebagai Corresponding Author/Main Author/First Author of UiTM/Sole Author) yang telah dihasilkan dalam tahun 2023. Di samping itu, perbandingan pencapaian jumlah penerbitan berindeks dari 2015 – 2023 juga dibincangkan agar tindakan segera dapat dilaksanakan bagi menangani isu-isu berkaitan serta dikongsikan kepada warga FPN untuk penambahbaikan dan pembelajaran.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_FPN\\_3.4.3a\\_e-aduan FACT dan e-Maklumbalas Kepuasan Hati Pelanggan FACT.pdf](#)
2. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_FPN\\_3.4.3b\\_Maklumbalas Kepuasan Pelanggan bagi Program kendalian RICAEN.pdf](#)
3. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_FPN\\_3.4.3c\\_Maklumbalas program pemindahan ilmu i-Asnaf dan mesyuarat kolaborasi.pdf](#)
4. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_FPN\\_3.4.3d\\_Petikan MKSP-Inisiatif Penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.pdf](#)
5. [F0014\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20245\\_FPN\\_3.4.3e\\_Mini Publication Sabbatical.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Elemen **inovasi** diperkenalkan melalui pelbagai program seperti **program *Fit to Publish dan mini sebatikal*** telah memberikan manfaat kepada pelanggan (Bukti 1). Melalui projek Fit to Publish, inovasi sokongan dalam bentuk yuran penerbitan article (YPA) dan “Editing and Formatting Hub” diberikan. Inovasi Mini Publication Sabbatical adalah inisiatif yang membolehkan pensyarah menumpukan masa dan tenaga mereka untuk penulisan dan penerbitan dalam tempoh cuti mini sabatikal Ini terbukti berkesan dalam meningkatkan jumlah penerbitan.

FPN turut memperkenalkan inisiatif Research Champions, program yang mengenal pasti dan memberikan pengiktirafan kepada pensyarah yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam PPP (Bukti 2). Manfaat yang diperolehi oleh pelanggan menerusi pelbagai inovasi dapat dibuktikan menerusi pencapaian yang cemerlang pada tahun 2023 dengan semua **sasaran PI penyelidikan melebihi 100%** (Bukti 3). Inovasi ini telah membantu meningkatkan motivasi dan prestasi pensyarah dalam menghasilkan karya berkualiti tinggi. Menerusi inovasi ini, FPN **berjaya meningkatkan penglibatan pelanggan** dalam PPP, sekaligus memperkukuh daya tahan pihak berkepentingan dan meningkatkan reputasi institusi di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan penglibatan pensyarah dalam penerbitan daripada 80.17% pada tahun 2022 kepada 88.4% pada tahun 2023. Penglibatan pensyarah dalam penyelidikan juga meningkat dengan ketara daripada 82.64% pada tahun 2022 kepada 92.44% pada tahun 2023 (Bukti 4).

Fakulti juga meneruskan **pembudayaan kolaborasi penyelidikan** dengan berbagai rakan strategik dari dalam dan luar negeri menerusi **program *meet and greet*** (Bukti 5) menerusi program kunjungan rakan kolaborasi. Menerusi program ini, FPN berjaya melebar luaskan lagi kolaborasi strategik dengan rakan kongsi yang baharu. Sebagai contoh pada tahun 2023 FPN telah menerima kunjungan dari St. Bonaventure University School of Business, USA dan CPA Australia. Fakulti turut mengadakan kunjungan seperti kunjungan ke KWSP dan University of Portsmouth UK. Seterusnya program ini telah membawa kepada perjanjian MOA/MOU yang memberi peluang kepada lebih banyak kolaborasi penyelidikan dan penerbitan dibuat. Hasil pembudayaan program ini telah membuka peluang kepada fakulti menawarkan kepakaran staf dalam penyelidikan, mendapatkan dan menjadi rakan kolaborasi bagi tujuan pengendalian konferensi.

Inovasi program Fit to Publish juga telah memperkenalkan inisiatif grooming platform untuk pelajar paskasiswa membuat persediaan bagi menjalani pembentangan di konferensi, bengkel dan webinar. Melalui program ini, kemahiran pelajar dalam penulisan, penerbitan dan pembentangan dapat dipertingkatkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_T01\\_TB05\\_20241\\_FPN\\_3.5a\\_Inovasi 2023.pdf](#)
2. [F0014\\_T01\\_TB05\\_20242\\_FPN\\_3.5b\\_Inovasi Research Champion 2023.pdf](#)
3. [F0014\\_T01\\_TB05\\_20243\\_FPN\\_3.5c\\_Pencapaian Penyelidikan 2023.pdf](#)
4. [F0014\\_T01\\_TB05\\_20244\\_FPN\\_3.5d\\_Penglibatan pensyarah dalam penerbitan, penyelidikan dan inovasi 2023.pdf](#)
5. [F0014\\_T01\\_TB05\\_20245\\_FPN\\_3.5e\\_Program Greet and Meet 2023.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Perakaunan (FPN) terus mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan (PPP) dengan slogan "Together We Excel." Bertemakan Kepelbagaian Penyelidikan untuk Pengukuhan Jaringan bersama Pemegang Taruh serta berpandukan model FPN-S2EM (FPN-Sustainable Strategic Excellence Model) yang merangkumi 3E (Kecekapan, Keberkesanan, Ekonomi), Peningkatan Bakat, dan 3J (Jana, Jimat, Jariah), FPN melaksanakan perancangan strategik yang holistik berdasarkan pendekatan pengukuran dan analisa yang komprehensif.

Perancangan (PLAN) tahunan FPN bermula dengan mengenalpasti tahap aktiviti penyelidikan dan merancang kesedaran serta motivasi. Program Fit to Publish, Editing and Formatting Hub, dan "Yuran Penerbitan Artikel (YPA)" memberi sokongan kewangan dan bukan kewangan untuk penerbitan. Aktiviti lain termasuk Mini Sabbatical, Projek Penyelidikan Kuantitatif, Research Bootcamps, dan penetapan syarat program Sarjana untuk penerbitan disertasi dalam masa setahun.

Model pengukuran dan analisa holistik FPN-S2EM (DO) mengukur keberkesanan perancangan PPP melalui prestasi individu, Kluster Bakat, dan kumulatif bagi FPN. Sistem MyATP, PRIME, IRES, dan NILAM serta instrumen Pejabat RICAEN digunakan untuk mengukur prestasi individu dan Kluster Bakat, manakala pencapaian fakulti dinilai menggunakan SKORi-UiTM, objektif MKSP, skor MyRA, QS ranking, bilangan MoU/MoA, dan Happiness Index.

FPN memperkukuhkan budaya penyelidikan melalui lapan Talent Cluster yang berkolaborasi dengan alumni, rakan industri, institusi pengajian tinggi antarabangsa, dan badan profesional. Prestasi individu dan Talent Cluster yang cemerlang diiktiraf dalam Majlis Kecemerlangan Fakulti.

Pemantauan pelaksanaan perancangan (CHECK) dilakukan melalui mekanisme Holistik PPP melibatkan model pengukuran dan analisa holistik, maklum balas pelanggan secara atas talian, Learning Management System (LMS), dan ReNeU UiTM. Mesyuarat Pemantauan dan Kaji Semula Pencapaian (MKSP) dibentuk untuk mengkaji semula pengurusan dan mengenalpasti pengurangan risiko seiring dengan sasaran Plan Strategik UiTM 2025. Pelaporan pencapaian dikongsi secara telus melalui perjumpaan pengurusan kanan dan staf secara webinar serta e-newsletter FPN.

Strategi penambahbaikan (ACT) dirancang, dilaksanakan, dan keberkesanannya diukur serta dianalisa. Keputusan disebarkan kepada warga FPN pada setiap awal semester melalui Mesyuarat Staf Akademik oleh Dekan FPN dan TDPJI. Strategi melalui MoU/MoA, kolaborasi penyelidik cawangan, kerjasama kepakaran, dan pendaftaran pengkomersilan produk penyelidik FPN menunjukkan prestasi PPP yang cemerlang pada tahun 2023.

FPN turut menganjurkan persidangan seperti International Conference on Governance and Accountability (ICGA) 2023 serta webinar untuk menjana dana. Inisiatif PPP lain termasuk penubuhan Editing and Formatting Hub, menyediakan perkhidmatan suntingan dan pemformatan bahasa, serta memperkenalkan program bantuan YPA. Program Research Champions dan Research Track juga diperkenalkan untuk meningkatkan kemahiran penyelidikan.

Dengan inisiatif dan strategi yang mantap, FPN terus mengukuhkan kedudukannya dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan, memastikan setiap pencapaian adalah bukti kegemilangan di peringkat universiti, nasional, dan global.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPN mengutamakan pencapaian cemerlang dalam PPP. Berlandaskan model FPN-S2EM (“FPN-Sustainable Strategic Excellence Model”) yang merangkumi 3E (Efficiency, Effectiveness, Economical), Peningkatan Bakat, dan 3J (Jana, Jimat, Jariah), serta pelan tindakan strategik 3P 2020-2025, FPN terus mengekalkan kecemerlangannya.

Rajah 4.2.1 (BUKTI 1) menunjukkan hubungan antara pembangunan akademik, pembangunan pelajar, dan penyelidikan serta inovasi dalam mencapai misi universiti. FPN percaya bahawa usaha bersepadu dalam ketiga-tiga bidang ini, bersama penerapan prinsip 3E, Peningkatan Bakat, dan 3J, akan menghasilkan sinergi dan memaksimumkan sumber.

FPN memperkukuhkan budaya penyelidikan melalui lapan Talent Cluster berdasarkan bidang kepakaran, dengan kolaborasi bersama alumni, rakan industri, institusi pengajian tinggi antarabangsa, dan badan profesional. Talent Cluster ini dianggotai oleh pensyarah dari FPN induk, FPN Puncak Alam, dan FPN cawangan, membolehkan perkongsian kepakaran di peringkat nasional (BUKTI 2). Prestasi PPP diukur menggunakan model Individu-Kluster-Fakulti (IKF), yang menilai kejayaan individu, kluster, dan fakulti secara keseluruhan.

Prestasi individu diukur melalui MyATP dan instrumen khusus yang dibangunkan oleh Pejabat RICAEN (BUKTI 3). Instrumen khusus Pejabat RICAEN ini juga digunakan untuk mengukur pencapaian pensyarah trek penyelidikan, Research Champions, dan Talent Cluster. Individu dan Talent Cluster cemerlang diiktiraf dalam Majlis Kecemerlangan Tahunan Fakulti (BUKTI 4). Pencapaian FPN pula dinilai menggunakan SKORI-UiTM, objektif MKSP, skor MyRA, QS ranking, bilangan MoU/MoA, dan Happiness Index.

Prestasi individu penyelidik FPN diukur berdasarkan anugerah inovasi, penerbitan berkualiti, perolehan geran, hak cipta, pengkomersilan, dan MoU/MoA yang ditandatangani. Pensyarah trek penyelidikan dan Research Champions mempunyai sasaran pencapaian tahunan PPP yang lebih mencabar (BUKTI 4). Contohnya, Research Champions disasarkan untuk menerbitkan lima artikel dalam jurnal berindeks Scopus/WOS, memperolehi satu geran luar yang bernilai sekurang-kurangnya RM10,000, dan menjadi mentor kepada penyelidik muda. Mereka diberikan beberapa inisiatif sokongan termasuk pengurangan jam kuliah dan dana tambahan. Pencapaian mereka dibentangkan kepada pengurusan tertinggi FPN setiap hujung tahun.

Ketampakan penyelidik diukur melalui pelantikan sebagai “keynote speakers”, pakar rujuk, wawancara, serta artikel media massa. Contoh pencapaian gemilang penyelidik FPN diantaranya adalah Puan Zairul Nurshazana dalam penyelidikan berkaitan Modern Slavery, PM Dr. Seri Ayu Masuri dalam bidang Environmental, Social, and Governance (ESG), dan PM Dr. Nadiah Abdul Hamid dalam konsultasi dan pengkomersilan (BUKTI 5). Kepakaran pensyarah serta pelan penggantian dan pembangunan bakat disokong oleh dashboard pelan penggantian.

Perancangan tahunan FPN membantu mengenal pasti tahap penyelidik dan merancang kesedaran serta motivasi. Program Fit to Publish, Editing and Formatting Hub, dan Yuran Penerbitan Artikel (YPA) diadakan untuk memberi sokongan penerbitan. Aktiviti lain termasuk Mini Sabbatical, Projek Penyelidikan Kuantitatif, Research Bootcamps berkala, dan juga penetapan syarat untuk program Sarjana dimana disertasi perlu diterbitkan dalam masa setahun.

Inisiatif dan strategi yang mantap memastikan FPN terus mengukuhkan kedudukannya dalam PPP, mencerminkan kecemerlangan di peringkat nasional dan antarabangsa.

### SENARAI BUKTI:

1. [F0014\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Bukti FPN\\_4.2a\\_Pendekatan.pdf](#)
2. [F0014\\_A01\\_AB02\\_20242\\_Bukti FPN\\_4.2b\\_Pendekatan.pdf](#)
3. [F0014\\_A01\\_AB02\\_20243\\_Bukti FPN\\_4.2c\\_Pendekatan.pdf](#)
4. [F0014\\_A01\\_AB02\\_20244\\_Bukti FPN\\_4.2d\\_Pendekatan.pdf](#)
5. [F0014\\_A01\\_AB02\\_20245\\_Bukti FPN\\_4.2e\\_Pendekatan.pdf](#)

#### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

**Bidang tumpuan PPP memberi sumbangan yang signifikan kepada kejayaan FPN. Bertemakan Kepelbagaian Penyelidikan Pengukuhan Jaringan Bersama Pemegang Taruh berteraskan model “FACT-S2EM – Sustainable Strategic Excellence Model. Kepakaran FPN adalah diperluaskan melalui kolaborasi warga FPN dengan pelbagai rakan strategik industri, alumni, agensi kerajaan, rakan universiti dalam dan luar negara bagi manfaat komuniti.**

**Bagi menyokong pelan strategik UITM Globally Marketable 2023, inisiatif strategik tiga projek utama bidang tumpuan berimpak tinggi dirangka menerusi FPN SAP 2023 Penyelidikan Inovasi (BUKTI 1) iaitu Fit to Publish, Research Grant Venture dan Route to High Impact Publication yang dicerap dari KPI Bahagian Transformasi UITM (BTU) dan Objektif Kualiti FPN. Data-data PPP seperti bilangan penerbitan, bilangan principal investigator, jumlah geran penyelidikan, serta kolaborasi penerbitan bersama penyelidik dalam dan luar negara berdasarkan kepada KPI BTU. Penubuhan Research Cluster menggalakkan usaha penyelidikan sebagai satu pasukan berasaskan bidang disiplin dan kepakaran. Bakat penyelidik individu yang menyerlah diangkat menerusi program Research Track dan Research Champion bagi menyokong inisiatif strategik PPP.**

**Data PPP diterjemahkan melalui pencapaian individu yang natijahnya menghasilkan kecemerlangan FPN sebagai organisasi. Sumber ukuran pencapaian individu diukur dari rekod MyATP dan pelbagai anugerah seperti Best Paper, Best Inventor, Best Presenter, Citation Ranking dan Inovasi Penyelidik. Perluasan kepakaran ilmu warga FPN dengan rakan strategik diiktiraf sebagai penceramah, konsultan dan jawatankuasa eksekutif berkaitan PPP. Di peringkat FPN, pencapaian diukur menerusi penganugerahan geran penyelidikan, projek perundingan, penghasilan penerbitan dan anugerah inovasi penyelidikan. Sumber ukuran pencapaian FPN diperolehi dari sistem PRIME, UiSMS, Laporan PI Achievement FACT (BUKTI 2), FACT SAP MKSP, SKORi-UiTM, MyRA dan hebahan Komunikasi Korporat FPN.**

**PJI RICAEN, Unit Kualiti dan Unit Perancangan Strategik (UPS) FPN berperanan menyelaraskan pengumpulan data secara sistematik dan kemaskini mengikut prosedur analisa data oleh PTJ iaitu Penyelaras, Koordinator dan AJK dilantik. Unit Kualiti dan PJI RICAEN bertanggungjawab menyemak pencapaian sumber ukuran di peringkat fakulti melalui sistem PRIME. Manakala UPS FPN pula menyemak pencapaian sumber ukuran KPI-BTU melalui sistem UiSMS dan UePMO di peringkat Universiti dan global (BUKTI 3).**

**Data dikumpul secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang ditetapkan. Hasil data dikaji secara berterusan bagi membolehkan pengesanan trend prestasi, mengenalpasti perubahan berdasarkan tempoh masa dan risiko. Analisis kawalan risiko dilakukan untuk menganalisa item yang tidak menepati sasaran dan merangka strategi bagi meminimumkan risiko supaya setiap perancangan bidang tumpuan tercapai.**

**Analisa data merangkumi perbandingan tahunan sasaran dan pencapaian yang**

menganalisis perubahan parameter prestasi dan menilai impact tindakan melalui yang telah dibuat seperti pelaporan PI Objektif Kualiti FPN MKSP dwi-tahunan termasuk analisis pencapaian item ukuran SKORi-UiTM (BUKTI 4). Analisis data pengukuran pencapaian individu digunakan untuk penyelidik Research Track dan Research Champion manakala pencapaian kumulatif menjadi bukti penilaian Research Cluster yang melayakkan menerima Anugerah Kecemerlangan FPN dalam bidang tumpuan. Analisa pencapaian item ukuran boleh dilihat melalui pelaporan minit-minit mesyuarat, dan sistem pelaporan UITM seperti UiSMS, UePMO dan PRIME.

Data infografik memperincikan jenis item ukuran data, sumber data, aktiviti inisiatif strategik, kaedah pemantauan, pusat tanggungjawab, analisa data dan kekerapan pelaporan digunakan mengukur pencapaian setiap fokus strategik (BUKTI 5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_A01\\_AB03\\_20241\\_Bukti FPN\\_4.3a\\_Perluasan.pdf](#)
2. [F0014\\_A01\\_AB03\\_20242\\_Bukti FPN\\_4.3b\\_Perluasan.pdf](#)
3. [F0014\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Bukti FPN\\_4.3c\\_Perluasan.pdf](#)
4. [F0014\\_A01\\_AB03\\_20244\\_Bukti FPN\\_4.3d\\_Perluasan.pdf](#)
5. [F0014\\_A01\\_AB03\\_20245\\_Bukti FPN\\_4.3e\\_Perluasan.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan pelaksanaan inisiatif strategik Fit to Publish, Research Grant Venture dan Route to High Impact Publication dikoordinasi bersama PJI RICAEN, Unit Kualiti, Unit Perancangan Strategik dan Unit Pengurusan Risiko melalui mekanisme pelaporan berkala seperti berikut: (BUKTI 1).

1. Laporan Kemajuan FACT SAP RICAEN suku-tahunan
2. Laporan PI Achievement FACT 2023 dari sistem UePMO suku-tahunan.
3. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti FPN dwi-tahunan
4. Laporan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dwi-tahunan.
5. Laporan Risiko e-RMS

Laporan-laporan ini dibentangkan dalam pelbagai mesyuarat FPN seperti JPF, MKSP, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Jawatan Pengurusan Risiko (JPR) bagi mengesahkan semakan pelaksanaan dan status pencapaian inisiatif strategik. Pemantauan pelaksanaan turut memfokus kepada perbandingan sasaran pencapaian pelaporan SKORi-UiTM, Objektif Kualiti dan MyRA bagi menentukan sasaran dicapai dan menepati standard kualiti. Analisa data ini dijadikan petunjuk Red Flag kemajuan pelaksanaan aktiviti. Tindakan pembetulan dan pencegahan yang bersesuaian diambil bagi memastikan sasaran bidang tumpuan tercapai. Pelaporan aktiviti yang bermasalah dengan risiko pelaksanaan direkod dalam Daftar Kawalan Risiko RICAEN (BUKTI 2) sebagai tindakan awal pemantauan melalui proses kenal pasti punca, impak dan strategi menangani risiko. Status pencapaian, aktiviti, isu permasalahan, cadangan dan strategi penambahbaikan dibincangkan dan diminitkan dalam mesyuarat. (BUKTI 3)

Hasil input analisa data membantu menentukan aktiviti-aktiviti penambahbaikan prestasi, kelemahan dan potensi peningkatan dalam PPP. Ia menjadi dokumentasi penting dan dikemaskini mengikut perkembangan aktiviti. Sebagai contoh, aktiviti penambahbaikan dengan KPI penerbitan artikel seperti Research Writing Bootcamps diwujudkan bagi membantu menggiatkan usaha penyelidik menerbitkan artikel. Inisiatif Mini-Sabbatical memberi fleksibiliti penyelidik bekerja dari rumah bagi tempoh tertentu dengan fokus penghasilan artikel. Penubuhan Talent Cluster menggalakkan kolaborasi penyelidikan berasaskan disiplin ilmu dan kepakaran penyelidik sebagai satu pasukan. Penambahbaikan dalam pemilihan penyelidik yang berkecayaan Research Track dan Research Champion juga telah menghasilkan 149 dan 49 penerbitan artikel masing-masing (BUKTI 4). Pengenalan inisiatif baru ini telah membantu melonjakkan penerbitan artikel.

Aktiviti dan keberhasilan langkah-langkah penambahbaikan prestasi PPP dimaklumkan kepada warga FPN menerusi perkongsian maklumat yang komprehensif dan terbuka di mesyuarat akademik FPN dwi-semester dan poster yang informatif di WhatsApp. Manakala, penerbitan e-newsletter di laman web disamping media sosial FPN seperti YouTube, Facebook, Instagram, Twitter menunjukkan ketampakan FPN menyebar luas maklumat untuk warga maya dan paparan umum (BUKTI 5).

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_Bukti FPN\\_4.4.1a\\_Pemantauan.pdf](#)
2. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_Bukti FPN\\_4.4.1b\\_Pemantauan.pdf](#)
3. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_Bukti FPN\\_4.4.1c\\_Pemantauan.pdf](#)
4. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20244\\_Bukti FPN\\_4.4.1d\\_Pemantauan.pdf](#)
5. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20245\\_Bukti FPN\\_4.4.1e\\_Pemantauan.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PJI RICAEN dan Unit Pengurusan Risiko (UPR) FPN bekerjasama memantau risiko PPP menerusi laporan berkala yang dibentang di mesyuarat pengurusan risiko dan MKSP. Pelaporan aktiviti bermasalah dan menghadapi risiko direkod dalam Daftar Kawalan Risiko RICAEN (BUKTI 1). Seterusnya, risiko-risiko berkaitan pengukuran analisa, dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti sebagai sumber data risiko aktiviti PPP iaitu Fit to Publish, Research Grant Venture dan Route to High Impact Publication.

UPR FPN mengkategorikan risiko berkaitan aktiviti PPP kepada risiko strategik dan risiko kewangan sebagai risiko unit. Sebanyak 6 risiko strategik dan 1 risiko kewangan didaftarkan dalam Daftar Kawalan Risiko.

Analisa data risiko dikenalpasti dari senarai aktiviti, keterangan risiko aktiviti, penyebab, impak dan kaedah kawalan risiko. Penilaian risiko diukur dengan merit rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan impak risiko. Kemaskini status kawalan risiko dibuat setiap suku tahun bagi menilai perubahan merit penilaian risiko (BUKTI 2). Tindakan awal pemantauan melalui proses kenal pasti punca, impak dan strategi menangani risiko dilakukan bagi aktiviti bermasalah. Pengurusan risiko yang gagal memberi impak kepada kos, pelaksanaan dan sasaran projek. Dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan PPP, data pelaporan tidak lengkap dan terkini dikenalpasti akan menjejaskan risiko operasi projek. Isu berkaitan data pelaporan tidak lengkap dan terkini ditambahbaik dengan meminta penyelidik memverifikasi sendiri data yang dimuat naik oleh RMC/IRMIS setelah kemasukan data ke sistem PRIME. (BUKTI 3)

PJI-RICAEN bersama Penyelaras Risiko bertanggungjawab mengurus risiko PPP; mengemaskini sistem e-RMS, PRIME, templat laporan kawalan impak risiko, dan analisis pengurusan risiko. Penyelaras Risiko memantau tahap pelaksanaan pengurusan risiko PPP setiap suku-tahunan melalui templat laporan yang dikemaskini oleh PJI-RICAEN. Laporan data secara visual melalui graf/carta memudahkan pemahaman semasa dibentangkan kepada Ketua Pemilik Risiko (Dekan) dimesyuarat MKSP dan JPR (BUKTI 4). Sumber data yang disahkan dalam mesyuarat JPR dimasukkan ke e-RMS bagi laporan risiko tahunan e-RMS RICAEN. Kuantiti data banyak, dan dari pelbagai sumber seperti RMC/IRMIS, UiSMS, UePMO dan PRIME disimpan dalam pelbagai storan fail digital berbeza menimbulkan risiko pengurusan pengetahuan akibat kekangan tempat penyimpanan data. Penambahbaikan dibuat melalui pangkalan data setempat seperti one-stop centre bagi mengintegrasikan kepelbagaian data serta membantu perbandingan silang data yang lebih mudah dicapai (BUKTI 5).

#### SENARAI BUKTI :

1. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Bukti FPN 4.4.2a\\_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
2. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_Bukti FPN 4.4.2b\\_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
3. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_Bukti FPN 4.4.2c\\_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
4. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20244\\_Bukti FPN 4.4.2d\\_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
5. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20245\\_Bukti FPN 4.4.2e\\_Kenalpasti Risiko.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

**FPN menganalisa secara berkala hasil tindakan dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan untuk memahami impak dan keberkesanan tindakan tersebut bagi tujuan penambahbaikan. Ia dilakukan melalui MPE secara bulanan, Mesyuarat FPN-SAP secara suku tahunan, dan MKSP secara dwi-tahunan. Prosedur MKSP (BUKTI 1) menjadi garis panduan bagi memastikan proses kaji semula pengurusan dilaksanakan secara berkesan di bawah kaedah yang ditetapkan oleh pengurusan FPN.**

**Proses analisis hasil tindakan bermula dari pengumpulan hasil data oleh Penyelaras dan Koordinator dari sumber pelaporan sistem UiSMS, PRIME, UePMO, e-RMS dan pelbagai laporan. Data hasil tindakan ini akan dianalisa status pencapaian, perubahan yang diperolehi, dan manfaat dari tindakan penambahbaikan tersebut. Hasil analisis dijelaskan dan dibentangkan di MKSP. Punca permasalahan dikenalpasti melalui perbandingan sasaran dan tahunan, diikuti dengan rumusan dan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil. Berdasarkan analisis hasil tindakan, cadangan penambahbaikan yang bersifat strategik dan operasi turut dibincangkan (BUKTI 2). MKSP bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan susulan dalam tempoh masa yang ditetapkan seterusnya memajukan laporan keberkesanan tindakan yang telah diambil. Sekiranya tindakan yang diambil tidak berkesan, perbincangan dibuat dengan Ahli MKSP untuk tindakan pembetulan.**

**Selain MKSP, strategi intervensi dari input mesyuarat JPF (BUKTI 3) yang diadakan setiap dua bulan turut menganalisa data aktiviti yang bermasalah dengan risiko pelaksanaan dalam Daftar Kawalan Risiko berkaitan PPP iaitu Fit to Publish, Research Grant Venture dan Route to High Impact Publication. Contoh aktiviti penambahbaikan yang tuntas telah membantu FPN melonjakkan penerbitan artikel dengan efektif melalui tindakan penambahbaikan seperti berikut:**

- 1. Penjenamaan semula FACT Talent Clusters (BUKTI 4).**
- 2. Penyediaan Dana Dalaman Fakulti.**
- 3. Pembiayaan yuran penerbitan jurnal berindeks**
- 4. Penerbitan di pre-ICGA workshop and ICGA 2023.**
- 5. Pembangunan Research Champion dan Research Track (BUKTI 4)**
- 6. Pelantikan Publication Manager**
- 7. Penganjuran Research Writing Bootcamp**
- 8. Pewujudan Mini Publication Sabbatical**

**Dalam konteks pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan bidang tumpuan, isu berkaitan data pelaporan tidak lengkap dan terkini ditambahbaik dengan meminta penyelidik membuat verifikasi data diperolehi dari RMC/IRMIS ke pihak RICAEN bagi pelaporan BTU dan MyRA. RICAEN juga menambah baik penyimpanan data di pelbagai storan fail digital melalui pangkalan data setempat yang berfungsi seperti “one-stop centre” bagi mengintegrasikan kepelbagaian data serta membantu perbandingan silang data lebih mudah dicapai (BUKTI 5).**

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_Bukti FPN\\_4.4.3a\\_Kaji Semula Strategi Penambahbaikan.pdf](#)
2. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_Bukti FPN\\_4.4.3b\\_Kaji Semula Strategi Penambahbaikan.pdf](#)
3. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_Bukti FPN\\_4.4.3c\\_Kaji Semula Strategi Penambahbaikan.pdf](#)
4. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20244\\_Bukti FPN\\_4.4.3d\\_Kaji Semula Strategi Penambahbaikan.pdf](#)
5. [F0014\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20245\\_Bukti FPN\\_4.4.3e\\_Kaji Semula Strategi Penambahbaikan.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan disiplin dalam perancangan teratur dan pemantauan risiko yang efisien adalah kunci utama kecemerlangan PPP FPN. Model PDCA (Plan, Do, Check, Act) yang dipraktikkan oleh FPN berjaya memartabatkan FPN sebagai salah satu fakulti yang aktif penyelidikan di UiTM, meningkatkan prestasi dari induk dan cawangan di seluruh Malaysia. Impak hasil penyelidikan FPN, seperti hasil penyelidikan oleh Puan Zairul Nurshazana Zainuddin digunakan dalam penggubalan undang-undang modern slavery di Parlimen Australia, diiktiraf dan diterbitkan di media massa (BUKTI 1)

Penganalisaan data kluster membantu FPN menambahbaik pencapaian PPP dengan mengenalpasti kolaborator yang sesuai, menghasilkan sinergi berterusan, dan kerjasama berkesan. Kolaborasi penyelidikan FPN melibatkan komuniti, alumni, rakan industri, institusi pengajian tinggi, dan badan profesional di peringkat lokal dan global. Contohnya, Prof. Madya Dr. Nadiah dan pasukannya menjalankan kolaborasi penyelidikan, konsultasi, dan pengkomersilan bersama PERNAS dan TERAS berkaitan komuniti asnaf (BUKTI 2). Hasil analisa data kluster juga menunjukkan aktiviti ahli kluster melangkaui PPP, termasuk projek penglibatan komuniti dan University Social Responsibility (USR), seperti projek SULAM yang melibatkan lebih seratus perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) tempatan serta dua PMKS di Indonesia, dengan kerjasama antarabangsa seperti UNSIKA, Indonesia, dan DUT, Afrika Selatan (BUKTI 3). Kesenambungan dari impak positif ini Research Cluster dikembangkan menjadi Talent Cluster dengan lapan kluster dan aktiviti mentoring yang memberi impak signifikan kepada pembudayaan PPP di FPN. Insentif seperti anugerah kecemerlangan dan geran mendorong ahli kluster bekerja lebih keras. "Research Champions" bertindak sebagai mentor dan sumber inspirasi kepada penyelidik baru (BUKTI 4).

Di peringkat individu, hasil penganalisaan data pencapaian PPP dan kaji selidik FPN menunjukkan beberapa cabaran, termasuk kekangan masa dan kekurangan kepakaran berkaitan PPP. Untuk mengatasi isu ini, FPN menyusun pelan tindakan strategik PPP 2020-2025, termasuk Strategi Penyelidikan Berimpak, pelantikan "Publication Manager", "Fit to Publish", "Research Bootcamps", dan "Mini Sabbatical". Inisiatif ini telah meningkatkan prestasi PPP di FPN, termasuk peningkatan jumlah penerbitan berindeks dan perolehan geran pada tahun 2023. Kejayaan PPP FPN dikongsi melalui FACT e-newsletter dan media sosial untuk meningkatkan ketampakan dan reputasi FPN (BUKTI 5).

Integrasi strategi dan pembudayaan serta pemantauan dan penilaian berterusan di FPN memacu kejayaan fakulti menuju aspirasi Universiti Terkemuka Dunia 2025.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_A01\\_AB05\\_20241\\_Bukti FPN\\_4.5a\\_Integrasi.pdf](#)
2. [F0014\\_A01\\_AB05\\_20242\\_Bukti FPN\\_4.5b\\_Integrasi.pdf](#)
3. [F0014\\_A01\\_AB05\\_20243\\_Bukti FPN\\_4.5c\\_Integrasi.pdf](#)
4. [F0014\\_A01\\_AB05\\_20244\\_Bukti FPN\\_4.5d\\_Integrasi.pdf](#)
5. [F0014\\_A01\\_AB05\\_20245\\_Bukti FPN\\_4.5e\\_Integrasi.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fokus utama FPN bagi pembangunan sumber manusia adalah membangunkan **kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh** di kalangan warga agar mereka *Stay Relevant, Be Respected* dan *Get Referred*. Bagi FPN, staf merupakan nadi utama yang menggerakkan setiap projek dan aktiviti yang dirancang bagi mencapai PI dan objektif kualiti yang ditetapkan. FPN percaya bahawa organisasi cemerlang adalah kerana warganya cemerlang. Bagi memastikan kecemerlangan warga, FPN melakukan tindakan proaktif dengan menjalankan pelbagai inisiatif pembangunan staf yang berterusan, dilaksanakan secara strategik dan sistematik dengan mengambilkira PI dan objektif kualiti yang ditetapkan. Bagi mencapai berkaitan PI penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (PPP), projek dan aktiviti yang dijalankan telah secara langsung memberi ruang peningkatan kemahiran dikalangan staf. Proses tersebut berlangsung dengan melalui kitaran Plan-Do-Check-Act (PDCA) yang merangkumi penambaaikan berterusan bagi memastikan staf dilengkapi dengan kemahiran bersesuaian.

Fasa merancang (Plan) melibatkan **pemadanan di antara perancangan *talent clusters*, PI dan objektif kualiti FPN**. Ini termasuk mengenalpasti jurang dan keperluan kemahiran agar aktiviti pembangunan staf di dalam PPP yang jelas dapat dirancang. Seterusnya, fasa tindakan (Do), dimana aktiviti pembangunan staf yang dirancang akan dilaksanakan melalui *talent cluster, research champion dan research track*. Ini termasuk pembangunan teori dan praktikal yang menyediakan staf dengan kemahiran baharu.

Seterusnya fasa semak (Check) dimana menilai keberkesanan inisiatif pembangunan staf yang dilaksanakan secara berkala. Ini termasuk mengukur kemajuan berbanding matlamat yang ditetapkan, menganalisa maklumbalas dan data prestasi.

Terakhir, fasa penambaaikan (Act) yang memberi tumpuan kepada penambaaikan dan pelarasan berdasarkan cerapan yang diperolehi semasa fasa semak. Ini merangkumi memperhalusi kandungan latihan, menangani jurang atau menyediakan sokongan tambahan.

Pada tahun 2023, terdapat **3 projek dilaksanakan bagi PI PPP** dan bagi setiap projek, terdapat beberapa aktiviti yang akan dijalankan dan melibatkan warga fakulti sebagai pelaksana. PI yang disebar luas ini secara tidak langsung telah memacu pembangunan staf. Pengurusan FPN pula berperanan sebagai pemantau, memberikan maklumbalas dan pengiktirafan. Proses yang jelas dan terangkum ini telah merangsang terhasilnya inovasi. **Sepanjang tahun 2023, seramai 22 staf dan 18 *talent clusters* telah menerima pelbagai anugerah dan 11 inovasi operasi telah terhasil.**

Contohnya, **PI 50 Number of indexed publication: Journal in SCOPUS/WOS/ERA**. Bagi mencapai PI ini, bengkel **Research Writing Bootcamps** telah dirancang dimana 3 siri bengkel telah diadakan pada tahun 2023. Peserta disasarkan untuk berjaya **menghasilkan artikel** dan menghantar permohonan untuk penerbitan diakhir setiap bengkel dan proses ini dipantau oleh staf RICAEN. Jika terdapat penambahbaikan yang dipersetujui, ia akan dilakukan pada bengkel-bengkel seterusnya. **Aktiviti ini bukan sahaja membantu pencapaian PI50 tetapi juga pengetahuan menulis dan keupayaan penerbitan journal dikalangan staf dapat ditingkatkan**

Begitu juga dengan sasaran objektif kualiti. Contohnya, objektif kualiti 10 yang menasarkan sekurang-kurang satu produk penyelidikan, konsultansi atau penerbitan dikomersilkan dalam tempoh 5 tahun. Pada tahun 2023, satu projek pemindahan ilmu dan pengkomersilan yang signifikan telah diadakan iaitu **Program Pemindahan Ilmu Menggunakan i-Asnaf ACT yang dibiayai melalui geran KTP dan mendapat kerjasama TERAS dan PERNAS**. Projek ini bermula pada tahun 2020 dimana pasukan yang terlibat telah membangunkan satu sistem perakaunan dan percukaian dan dalam tempoh tidak sampai 5 tahun, ia mula dikomersialkan pada tahun 2023.



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Aspirasi rancangan sumber manusia adalah untuk menjadikan warga Fakulti yang cemerlang. Slogan strategi pengambilan dan pemilihan staf yang bersesuaian dibentuk untuk mendapatkan mereka yang berkelayakan dan berkompentensi amat ditekankan, sesuai dengan slogan warga FPN yang *Stay Relevant, Be Respected dan Get Referred*.

FPN telah merancang inisiatif bersepadu yang melibatkan Research Trek, Research Champion, dan Talent Cluster untuk mencapai 'Talent Excellence'. Talent Cluster dibangunkan untuk mengenalpasti dan membangunkan bakat muda di kalangan staf akademik. Staf diberikan ruang untuk cemerlang dalam kepakaran masing-masing dengan mendaftar masuk ke kluster bakat yang sesuai dengan kepakaran dan minat mereka. Terdapat lapan (8) kluster bakat yang dibentuk dan setiap pensyarah diwajibkan untuk menganggotainya salah satu kluster berkenaan (FPN\_5.2a\_Senarai Kluster). Setiap kluster akan diberikan sasaran tahunan seperti jumlah penerbitan artikel, aktiviti tanggungjawab sosial dan jaringan industri dan komuniti. Diakhir tahun, prestasi setiap kluster akan dinilai dan anugerah akan diberikan. Melalui kaedah ini, ahli-ahli kluster merasa bertanggungjawab untuk turut serta bagi menjalankan aktiviti berkaitan agar sasaran dapat dicapai.

Seterusnya, Research Track dan Research Champion diperkenalkan untuk mengenal pasti dan mengiktiraf penyelidik-penyelidik yang menunjukkan prestasi tersangat cemerlang dalam penerbitan. Individu-individu ini akan menjadi role model dan mentor kepada penyelidik-penyelidik lain, membantu dalam membimbing mereka untuk mencapai standard penerbitan yang tinggi. Research Champion juga akan memainkan peranan penting dalam mempromosikan budaya penyelidikan dan kolaboratif di fakulti.

Bagi meningkatkan kepelbagaian budaya dan pemindahan ilmu, FPN telah mendapatkan kuota pensyarah bukan warganegara (FPN\_5.2b\_Keputusan Temuduga) pada tahun 2023. Kepakaran penyelidikan mereka merupakan salah satu kriteria penting dalam pemilihan. Bilangan pensyarah yang mempunyai kepakaran di dalam bidang perakaunan pula memenuhi kehendak Standard Program untuk Program Perakaunan (FPN\_5.2c\_Standard Program) oleh MQA dan keperluan Akreditasi Malaysian Institute of Accountants (MIA). Didalam proses pengambilan staf, FPN juga memberikan keutamaan kepada mereka yang mempunyai ijazah kedoktoran sebagai kriteria penting. Ini sekaligus menjadi pemangkin pengembangan bakat staf di dalam PPP. Apabila mereka di ambil, warga fakulti secara tidak langsung akan mendapat faedah dengan kepakaran yang ada pada pensyarah berkenaan seperti pengalaman mengendalikan penerbitan jurnal artikel dan menguruskan geran-geran penyelidikan. Kaedah ini telah menyumbang kepada peningkatan bilangan dan kualiti PPP FPN. Gabungan ketiga-tiga inisiatif ini telah memacu FPN ke arah kecemerlangan penerbitan dan pengiktirafan global.

Disamping itu, salah satu objektif kualiti FPN adalah memastikan 50% staf akademik dengan kelayakan PhD dan 30% mempunyai kelayakan profesional menjelang 2025 (FPN\_5.2d\_Objektif Kualiti). Sasaran tersebut telahpun tercapai melalui proses pengambilan, pemilihan dan pemantauan yang cekap. Pada tahun 2023, FPN mempunyai 136 staf akademik dengan 73 (53.6%) daripadanya mempunyai ijazah kedoktoran berbanding 48% pada tahun 2022. Manakala, staf akademik yang mempunyai kelayakan profesional pula adalah 53 orang atau 39%.

FPN juga telah membangunkan sistem untuk mengenaipasi dan membangunkan bakat dalaman. Staf akademik juga diberi autonomi mengikut keperluan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) berdasarkan gred dan trek masing-masing selaras dengan pekeliling yang berkuatkuasa. Selain itu, staf juga sentiasa digalakkan untuk menghadiri latihan kepakaran dengan pemakluman jam latihan dibuat dari masa ke semasa. Pada 2023, sejumlah RM29,030 telah dibelanjakan untuk tujuan latihan dan peningkatan kepakaran PPP (FPN\_5.2e\_Senarai Latihan).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20241\\_FPN\\_5.2a\\_Objectives kualiti FPN.pdf](#)
2. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20242\\_FPN\\_5.2b\\_Standard Program unt Kelayakan Pensyarah.pdf](#)
3. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20243\\_FPN\\_5.2c\\_Keputusan Temuduga Pensyarah Bukan Warganegara.pdf](#)
4. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20244\\_FPN\\_5.2d\\_senarai latihan dan penganjuran tahun\\_2023.pdf](#)
5. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20245\\_FPN\\_5.2e\\_Senarai Kluster Bakat.pdf](#)
6. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20241\\_FPN\\_5.2a\\_Objectives kualiti FPN.pdf](#)
7. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20242\\_FPN\\_5.2b\\_Standard Program unt Kelayakan Pensyarah.pdf](#)
8. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20243\\_FPN\\_5.2c\\_Keputusan Temuduga Pensyarah Bukan Warganegara.pdf](#)
9. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20244\\_FPN\\_5.2d\\_senarai latihan dan penganjuran tahun\\_2023.pdf](#)
10. [F0014\\_S01\\_SB02\\_20245\\_FPN\\_5.2e\\_Senarai Kluster Bakat.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan perancangan dan proses sumber manusia untuk merekrut, membangun, menilai, memberi ganjaran dan menggalakkan staf akademik dibincangkan dalam dua keadaan; (1) strategi pengambilan dan pemilihan; dan (2) membangunkan bakat dalaman. Perluasan proses untuk memberi platform khusus kepada kakitangan akademik di war-warkan melalui pesanan ringkas WhatsApp, mesyuarat Akademik dan bulletin dalaman. Syarat untuk memohon RC dan RT memerlukan pensyarah mencapai kriteria khusus untuk menjadi role model' terutama di dalam kluster mereka. Pada tahun 2023, proses ini meyokong FPN untuk mencapai PI yang di amanahkan oleh institusi.

Research champion, research track dan talent cluster adalah individu yang berperanan sebagai pemimpin dalam memacu dan menggalakkan penyelidikan dalam sesebuah institusi. Mereka memainkan peranan utama dalam membina jaringan dengan akademik dan industri, serta memastikan kelangsungan dan keberkesanan aktiviti penyelidikan. Dalam konteks menjalankan profesor pelawat, keynote speaker, dan advisory board journal review, research champion akan bertindak sebagai penganjur dan penyelaras. Mereka memastikan bahawa aktiviti ini membawa manfaat kepada talent cluster dan research track yang sedia ada, serta menyumbang kepada pembangunan keilmuan secara menyeluruh. Dengan kehadiran profesor pelawat dan keynote speaker, institusi dapat memperoleh wawasan baru dan memperkukuh jaringan antarabangsa, manakala advisory board journal review memastikan kualiti penerbitan akademik sentiasa terjaga. (FPN\_5.3a\_Aktiviti RC RT TC).

Salah satu aktiviti tahunan Pejabat RICAEN adalah pembentangan tahunan Kluster Bakat seperti pembentangan yang telah berlangsung bagi tahun berakhir 2023 (FPN\_5.3b\_Pembentangan Tahunan Ketua). Aktiviti ini di hadiri oleh Dekan FPN sendiri dan ianya dapat membudayakan organisasi pembelajaran "learning organization", yang mana mereka melaporkan aktiviti yang telah dijalankan bagi tujuan laporan tahunan untuk ahli dan aktiviti kluster masing-masing. FPN menggalakkan pembelajaran berkumpulan melalui pelbagai projek dan aktiviti kolaboratif. Ini termasuk projek penyelidikan bersama, program mentor-mentee, dan kumpulan kerja untuk menyelesaikan isu-isu tertentu. Dengan bekerja secara berkumpulan, ahli staf dapat belajar daripada satu sama lain dan meningkatkan kualiti kerja mereka. Ahli dibenarkan untuk menukar kluster yang menunjukkan kluster bakat memberi peluang untuk kenali potensi diri dan memakmurkan minat penyelidikan. Malahan ahli kepada Kluster penyelidikan di dibuka kepada kampus-kampus cawangan lain semenjak tahun 2020 lagi (FPN\_5.3c\_Ahli Kluster).

Sumber manusia yang digilap telah menyebar luas kepakaran mereka dengan menganjurkan pelbagai seminar ataupun bengkel penyelidikan di peringkat nasional dan international. Penganjuran program ini telah membawa pulangan hasil kewangan kepada Fakulti (FPN\_5.3d\_Penganjuran Program). Pada tahun 2023, telah berlangsung International Conference Governance and Accountability 2023 (ICGA) anjuran FPN. Di dalam penganjuran persidangan, semua warga akademik dan bukan akademik bergabung tenaga menjadi secretariat majlis tersebut. Hasil pulangan daripada penganjuran ICGA ialah RM49,482.

Di dalam hal ini, Unit Pentadbiran di nilai melalui pelaksanaan projek Collegiality & Congeniality (CnC). Terkandung di dalam projek ini adalah pelan Tindakan jangka pendek seperti Scholarship Map, Head-Hunting dan Kenalpasti Industrial Training Scholarship Map adalah paparanmuka 'dashboard' yang telah terhasil pada tahun 2023 bertujuan mengenalpasti bakat

yang kurang mendapat tumpuan untuk menyumbang kepada hasil pencapaian institusi seperti senarai pensyarah yang masih belum menjadi 'corresponding author'. Penggunaan Scholarship Map dapat membantu mengenalpasti pensyarah yang sudah cukup matang untuk mendapat bantuan biasiswa untuk menyambung pelajaran ke peringkat PhD (FPN\_5.3e\_Scholar Map).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_S01\\_SB03\\_20241\\_FPN\\_5.3a\\_Admin PI\\_FACT SP MKSP.pdf](#)
2. [F0014\\_S01\\_SB03\\_20242\\_FPN\\_5.3b\\_Scholar s Map.pdf](#)
3. [F0014\\_S01\\_SB03\\_20243\\_FPN\\_5.3c\\_Pembentangan Tahunan Ketua TC.pdf](#)
4. [F0014\\_S01\\_SB03\\_20244\\_FPN\\_5.3d\\_Ahli kluster dr Kampus.pdf](#)
5. [F0014\\_S01\\_SB03\\_20245\\_FPN\\_5.3e\\_Penganjuran program FPN.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Pemantauan Aktiviti Penyelidikan**

Pengurusan FPN mengambil langkah proaktif dengan memantau pelaksanaan projek dan inisiatif Fakulti di bawah 3 projek iaitu Fit to Publish, Research Grant Venture dan Route to High Impact Publication. Susulan dari pelaksanaan projek dan inisiatif yang dirancang, pihak RICAEN memantau perkembangan dan status keberkesanaan projek melalui medium, seperti email, dan whatsapp kepada pensyarah yang terlibat (FPN\_5.4.1a\_Email Laporan Kemajuan DDF). Hasil pemantauan dilaporkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) Perakaunan. Enam siri mesyuarat JPF telah diadakan di sepanjang tahun 2023. Di dalam mesyuarat JPF, pengurusan FPN membincangkan isu-isu berkaitan penyelidikan, contohnya, laporan prestasi bagi DDF dan laporan kemajuan Program Mini Publication Sabbatical (FPN\_5.4.1b\_Minit Mesyuarat JPF).

Selain itu, FPN memanfaatkan sistem Portal for Research and Innovation Management (PRIME) bagi memantau status dan perkembangan semasa yang dicapai dalam penerbitan, contohnya, bilangan statistik penerbitan, penerbitan yang sudah atau belum disahkan, penerbitan yang dipulangkan, dan penerbitan yang berjaya didaftarkan. Manakala pemantauan ke atas Talent Clusters pula, dinilai melalui penghantaran Excel Performance dan pembentangan prestasi bagi Talent Cluster untuk Tahun 2023 (FPN\_5.4.1c\_Email Pembentangan Prestasi Talent Cluster). Bagi memastikan proses penyelidikan yang dijalankan menepati piawaian dan etika penyelidikan, 4 Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Etika Penyelidikan Fakulti Perakaunan telah diadakan pada tahun 2023.

#### **Pemantauan Aktiviti Pengkomersialan**

Pengurusan FPN memantau aktiviti pengkomersialan secara terus melalui BITCOM (FPN\_5.4.1d\_Permohonan Harta Intelek) dan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), di mana pengurusan FPN memastikan Objektif Kualiti 10 (Memastikan 1 produk penyelidikan, konsultasi atau penerbitan dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun) tercapai.

#### **Proses aduan dan maklumbalas warga kerja terhadap pengurusan FPN**

Pengurusan Fakulti Perakaunan menitikberatkan kepuasan hati warga kerja FPN terhadap proses kerja di Fakulti. Secara umumnya, kepuasan hati staf dipantau melalui UiTM Happiness Index 5.0, di mana secara puratanya, indeks keseluruhan kegembiraan staf pada tahun 2023 adalah 72%. Tahap kepuasan hati sumber manusia diperolehi secara dalam talian melalui *google form* yang dihebahkan menerusi e-mail. Berdasarkan Laporan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan Fakulti Perakaunan, khususnya RICAEN, pelanggan utama RICAEN, iaitu staf akademik berpuas hati dengan layanan, kecekapan dan proses kerja di RICAEN (FPN\_5.4.1e\_Laporan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_FPN\\_5.4.1a\\_Email Laporan Kemajuan BDI.pdf](#)
2. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_FPN\\_5.4.1b\\_Minit Mesyuarat JPF.pdf](#)
3. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20243\\_FPN\\_5.4.1c\\_Email Pembentangan Prestasi Talent Cluster.pdf](#)
4. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20244\\_FPN\\_5.4.1d\\_Permohonan Harta Intelek.pdf](#)
5. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20245\\_FPN\\_5.4.1e\\_Laporan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pada tahun 2023, Mesyuarat Pengurusan Risiko telah diadakan sebanyak 3 kali bagi menyemak keberkesanan kawalan yang sedia ada serta memantau perancangan tindakan pencegahan bagi mengurangkan risiko (FPN\_5.4.2a\_Minit Mesyuarat Risiko Bil 3 2023). Risiko melibatkan sumber manusia berkait rapat dengan kelayakan akademik yang mempengaruhi kompetensi staf akademik. Justeru, pengurusan FPN telah mengenalpasti staf akademik yang berpotensi bagi melanjutkan pengajian dalam PhD atau program profesional dengan menyediakan sokongan kewangan dan mengenalpasti program professional yang bersesuaian. FPN turut mengenalpasti risiko R004: *Lack of Research Prominence* bagi 3 projek berkaitan 14 PI PPP. Risiko yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

### **Kekangan Dana Penyelidikan dan Kualiti Penerbitan**

Ketersediaan dana yang terhad serta persaingan yang tinggi bagi permohonan dana menyebabkan staf akademik menghadapi kesukaran untuk memperolehi geran penyelidikan walaupun permohonan memberangsangkan dari staf akademik. Oleh itu, FPN mendapati tidak semua pensyarah FPN terlibat dengan penyelidikan dan inovasi (FPN\_5.4.2b\_Laporan Penglibatan Pensyarah) kerana kurang kemahiran penyelidikan. Ini meningkatkan risiko penerbitan tidak diterima di dalam prosiding dan jurnal berindeks berimpak tinggi kerana hasil penulisan tidak menepati kualiti yang ditetapkan. Hal ini akan menjejaskan jumlah dan kualiti penerbitan, dan secara tidak langsung, FPN menghadapi risiko tidak dapat mencapai target PI yang ditetapkan.

Justeru, pengurusan FACT memastikan pelaksanaan kawalan sedia ada berjalan lancar, contohnya, menjemput panel penilai geran berpengalaman berkongsi tips dan membantu pemurnian kertas kerja serta mengadakan kolaborasi “matching grant” bersama industri, universiti tempatan dan luar negara (FPN\_5.4.2c\_Email Jemputan Program). FPN turut mengambil langkah proaktif dengan membantu meningkatkan kompetensi pensyarah dalam penyelidikan melalui penganjuran webinar dan bengkel secara berterusan (FPN\_5.4.2d\_Poster Training Calendar). Publication Manager turut membantu menguruskan penerbitan pensyarah dengan menyediakan peluang penerbitan dari semasa ke semasa melalui *call for papers* dan *special issue* bagi jurnal berindeks dan conference berindeks terpilih (FPN\_5.4.2e\_Poster Call for Papers). Hebahan mengenai perkara ini disebarkan melalui whatsapp rasmi FPN.

### **Ketidakmampuan kewangan dan pengkomersilan produk penyelidikan**

Faktor kewangan dan pengkomersilan produk penyelidikan adalah antara risiko yang dikenalpasti. Justeru, pengurusan FPN memohon dana dari universiti, contohnya dari UCS dan RMC untuk pembiayaan yuran pertandingan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Seterusnya, FPN mengenalpasti dan membantu pensyarah untuk mempromosikan produk inovasi yang berpotensi untuk dikomersilkan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_FPN\\_5.4.2a\\_Minit Mesyuarat Risiko Bil 3 2023.pdf](#)
2. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_FPN\\_5.4.2b\\_Laporan Penglibatan Pensyarah.pdf](#)

3. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20243\\_FPN\\_5.4.2c\\_Email Jemputan Program.pdf](#)
4. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20244\\_FPN\\_5.4.2d\\_Poster Training Calendar.pdf](#)
5. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20245\\_FPN\\_5.4.2e\\_Poster Call for Papers.pdf](#)



### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan penambahbaikan dilakukan melalui instrumen pengukuran yang dilaporkan dalam mesyuarat berkala bagi tujuan kaji semula. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) membentangkan analisa serta laporan pengurusan aduan serta log tindakan susulan (FPN\_5.4.3a\_Laporan Log Tindakan Susulan MKSP 1\_2023). Risiko-risiko yang dikenalpasti dalam Log Tindakan Susulan MKSP dipantau melalui pencapaian Objektif Kualiti 6 (100% staf akademik terlibat dalam penerbitan, penyelidikan atau inovasi menjelang 2025), Objektif Kualiti 7 (memastikan 100 penerbitan berindeks diterbitkan setahun (WOS/Scopus/ERA/ABDC)), Objektif Kualiti 8 (memastikan sekurang-kurangnya 20 projek penyelidikan berdaftar setahun), Objektif Kualiti 9 (memastikan jumlah geran penyelidikan mencapai RM1.5 juta setahun) dan Objektif Kualiti 10 (memastikan 1 produk penyelidikan, konsultansi atau penerbitan dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun). Seterusnya, tindakan susulan dirancang dan diambil bagi memastikan kualiti kerja sumber manusia mencapai tahap optimum.

#### Research & Innovation Profiling

FPN sentiasa memantau penglibatan staf akademik dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi. Justeru *Research & Innovation Profiling* bagi pensyarah FPN telah dilaksanakan pada awal dan akhir tahun bagi memantau penglibatan dan pencapaian staf akademik dalam PPP dan inovasi (FPN\_5.4.3b\_Laporan Research & Innovation Profiling). Laporan ini dibentangkan semasa Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2023. Melalui data yang dianalisis, pengurusan FPN merangka dan melaksanakan inisiatif yang lebih bersasar mengikut kumpulan penyelidik.

#### Sistem Kerja dan Persekitaran Kondusif

FPN juga sentiasa memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif untuk warga FPN. Penetapan masa dan tempat program ditetapkan dengan mengambil kira kesesuaian staf agar penglibatan yang maksima diperolehi dari staf. Contohnya, program seperti FACT Research Writing Bootcamp dan Mini Publication Sabbatical Programme telah diadakan secara bersiri kepada pensyarah. Selain memberi lebih ruang masa kepada pensyarah untuk menulis artikel penerbitan, pemilihan lokasi program yang selesa, contohnya, di Tamu Hotel, Kuala Lumpur dan ILD, Bandar Enstek, mempengaruhi motivasi pensyarah untuk menghasilkan penerbitan mengikut sasaran yang ditetapkan. Inisiatif bersasar kepada pensyarah berstatus Denominator Berpotensi dan yang belum/tidak mempunyai PhD, contohnya FACT Research Skill Enhancement Training (Targeted Intensive Course): Siri 1: Januari - Jun 2023 (Research for Beginners (3 hari), Bengkel Penulisan Artikel (Systematic Literature Review) (1 hari) dan pemberian dana DDF secara tidak langsung menggalakkan budaya penyelidikan kepada semua golongan pensyarah (FPN\_5.4.3c\_Laporan Inisiatif DDF).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_FPN\\_5.4.3a\\_Laporan Log Tindakan Susulan MKSP 1\\_2023.pdf](#)
2. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_FPN\\_5.4.3b\\_Laporan Research & Innovation Profiling.pdf](#)
3. [F0014\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20243\\_FPN\\_5.4.3c\\_Laporan Inisiatif DDF.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPN telah mengadakan pelbagai inisiatif bagi membudayakan aktiviti PPP dikalangan staf dimana pihak pengurusan sangat menekankan setiap staf agar menyertai *talent clusters* yang sesuai dengan minat dan bidang masing-masing. Manakala beberapa staf berkelayakan digalakkan untuk menyertai *research track* dan *research champion*. Selain itu, terdapat 3 projek PPP telah disepanjang tahun 2023 (FPN\_5.5a\_Projek), merupakan projek-projek yang dijalankan berdasarkan PI yang ditetapkan. Bagi menjayakan projek-projek ini, pelbagai inovasi telah terhasil. Contohnya, inisiatif penubuhan kumpulan *Research Champion* dibawah projek "*Route to High Impact Publication*". Ia merupakan satu inovasi operasi dimana kumpulan ini diberikan peranan utama bagi pencapaian PI50-PI55: *Number of indexed publication: Journal in SCOPUS/WoS/ERA*. Keahlian kumpulan ini berubah saban tahun bagi pembangunan staf berlainan. Selain itu, FPN juga memperkenalkan Program Mini-Sabbatical dibawah projek *Fit to Publish*. Ini satu lagi bentuk inovasi operasi yang terhasil bagi mencapai PI berkaitan dan telah menjadi kaedah berkesan untuk pembangunan staf. Beberapa inovasi operasi lain yang terhasil termasuklah bengkel bootcamp dan FRGS.

Bagi menghargai komitmen staf, FPN telah memberikan penghargaan dan anugerah yang sewajarnya. Pada November 2023, Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti (AKF) telah diadakan bagi mengiktiraf pencapaian staf disepanjang 2023. Terdapat 13 anugerah berkaitan PPP telah diberikan (FPN\_5.5b\_Penghargaan) kepada 22 staf dan 18 *talent clusters* yang mencapai kriteria-kriteria tertentu. Penghargaan juga dibuat secara berterusan melalui pelbagai platform seperti melalui mesyuarat akademik dan media social seperti Whatsapp, Website dan Facebook (FPN\_5.5c\_Pemakluman). Penghargaan seperti ini telah menaikkan semangat dikalangan staf yang terlibat dan pada masa yang sama telah mendorong yang lain untuk turut berada didalam kalangan mereka yang menyumbang dan menerima anugerah. Anugerah yang diberikan kepada individu dan juga kepada *talent clusters* telah membudayakan persaingan yang sihat dikalangan staf.

Bagi menggalakkan aktiviti inovasi dikalangan staf, FPN juga menyediakan pelbagai sokongan dan sumber yang bersesuaian. Sebahagian besar kos penyertaan inovasi seperti yuran penyertaan dan kos percetakan dibiayai oleh FPN. Manakala, kejayaan staf di dalam pertandingan inovasi juga diraikan dan dihargai. Contohnya, anugerah innovator tahunan terbaik telah diberikan kepada staf yang aktif menyertai pertandingan inovasi dengan keutamaan diberikan kepada mereka yang mendapat anugerah khas dipertandingan berkenaan seperti platinum dan outstanding award. Dengan tindakan proaktif ini, hasilnya, terdapat 11 inovasi berkaitan PPP (FPN\_5.5d\_Inovasi) yang telah diusahakan oleh staf pada tahun 2023. Pengiktirafan seperti ini pastinya akan terus meningkatkan semangat staf untuk mengekalkan prestasi tahap tinggi mereka.

Sebagai kesimpulan, FPN telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi membudayakan aktiviti PPP dikalangan staf dengan mencuba beberapa inisiatif baharu yang strategik seperti penubuhan pasukan *research champion*, *research bootcamp*, *mini sabbatical* dan lain-lain. Kemudian, galakan dan sokongan terus diberikan dengan menyediakan platform dan bantuan yang bersesuaian. Seterusnya, anugerah dan penghargaan atas komitmen dan kejayaan staf diberikan melalui majlis dan mesyuarat tertentu seperti majlis AKF. Akhirnya, inisiatif-inisiatif seperti ini telah menampakkan hasil kepada FPN dimana ia bukan sahaja membantu FPN mencapai PI PPP saban tahun, tetapi juga telah mendorong peningkatan kemahiran staf dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kejayaan UiTM secara keseluruhannya

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_S01\\_SB05\\_20241\\_Lampiran FPN\\_5.5a\\_PROJEK DAN KPI.pdf](#)
2. [F0014\\_S01\\_SB05\\_20242\\_Lampiran FPN\\_5.5b\\_SENARAI STAF DAN PENGHARGAAN.pdf](#)
3. [F0014\\_S01\\_SB05\\_20243\\_Lampiran FPN\\_5.5c\\_PEMAKLUMAN PENCAPAIAN STAF \(MEDIA MASA\).pdf](#)
4. [F0014\\_S01\\_SB05\\_20244\\_Lampiran FPN\\_5.5d\\_SENARAI INOVASI BERDASARKAN PROJEK DAN PI.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Untuk mencapai kecemerlangan operasi, FPN mengamalkan pendekatan yang berpaksikan konsep **3E – efisien, efektif dan ekonomi**.

FPN menggariskan pengoperasian yang sistematik dalam penyediaan **perancangan** strategik bagi inisiatif PPP berdasarkan Perancangan Strategik Fakulti Perakaunan 2020-2025 (PSFPN2020-2025). Kecekapan tadbir urus termasuk **ketangkasan membuat keputusan, merancang dan melaksanakan projek-projek** penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (PPP) adalah penting dalam memastikan persekitaran penyelidikan yang dinamik untuk **kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh**. Perancangan strategi tahunan berkaitan PPP melibatkan PTJ yang utama iaitu Pejabat RICAEN, FPN. Tonggak utama perancangan strategik FPN adalah visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka di dunia pada tahun 2025 (*Globally Renowned University 2025*). FPN berperanan menghasilkan staf yang mempunyai **Global Competencies** untuk memainkan peranan sebagai pusat rujukan akademik terkemuka di peringkat global (*Globally Renowned Faculty*).

Bertemakan “Kepelbagaian Penyelidikan Untuk Pengukuhan Jaringan Bersama Pemegang Taruh”, tiga fokus utama aktiviti PPP adalah **kepelbagaian penyelidikan berkualiti, penerbitan berimpak tinggi, dan pengkomersilan** telah dipacu dalam membina **Global Competencies** warga FPN. Pengoperasian ini adalah melalui tiga projek iaitu, **Fit to Publish, Research Global Venture** serta **Route to High Index Publication**.

Tiga fokus utama tersebut adalah aspek terpenting, selain daripada pengajaran dan pembelajaran dalam **membina nilai tambah kompetensi** pensyarah. Beberapa mekanisme telah digariskan seperti yang terdapat dalam PSFPN2020-2025 bagi mengenalpasti peluang-peluang PPP yang dapat diakses serta mengenal pasti sumber kolaborasi bersama rakan strategik yang boleh menyumbang ke arah pencapaian KPI yang berkaitan. **Pelaksanaan** operasi yang cekap dan mantap dapat dilakukan dengan **kerjasama jitu pensyarah dan staf pentadbiran**.

Dalam pada itu, FPN **mengenalpasti risiko** yang berkemungkinan menjejaskan operasi PPP serta **langkah-langkah pencegahan risiko** tersebut. Proses **pemantauan**, penambahbaikan dan semakan semula dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan mengambilkira maklumbalas yang diterima daripada pensyarah, dan pemegang taruh yang lain.

FPN **menitikberatkan proses pemantauan risiko** serta **perancangan risiko** bagi tiga projek ini untuk memastikan penambahbaikan secara berterusan. Operasi PPP dipantau oleh tadbir urus organisasi yang menyeluruh, untuk menyumbang kepada pencapaian *Global Competencies*.

**Pelaporan pencapaian** yang disediakan dibincangkan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

Hasil pemantauan ini dianalisa bagi mengenal pasti perubahan atau **penambahbaikan** kepada perancangan strategik FPN. FPN juga **sentiasa mengkaji semula pencapaian** dan **mengambil tindakan secara berkala** untuk ketiga-tiga projek *Fit to Publish, Research Grant Venture* serta *Route to High Index Publication* bagi memastikan keberkesanan setiap projek. **Penambaaikan Talent Cluster** seperti peranan *Talent Cluster* sebagai penggerak MoU/MoA dilihat sangat membantu operasi kepakaran pensyarah, operasi bagi ketiga-tiga projek ini dan seterusnya peluang untuk **pengkomersilan bersama rakan strategik**. Usaha ini adalah untuk menentukan **kelestarian pensyarah FPN** sebagai **pakar rujuk** pihak-pihak dalam dan luar UiTM.



## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengoperasian projek adalah melalui kaedah **efisien, efektif serta ekonomi** dari model **FACT-S2EM – SUSTAINABLE STRATEGIC EXCELLENCE MODEL (BUKTI 1)**. Dari segi **efisien**, sesebuah projek mestilah **menghasilkan impak**. **Efektif** dapat diukur dari segi masa, di mana keperluan **menghasilkan bilangan penerbitan berdasarkan PI** dalam tempoh setahun. **Ekonomi** adalah dimana kelulusan bajet fakulti adalah berdasarkan **kepentingan** dan keutamaan, contohnya, kelulusan bajet untuk penerbitan berdasarkan pemilihan jurnal yang sesuai, kualiti dan impak penulisan kepada pemegang taruh.

**Proses-proses utama** yang terlibat dalam usaha merealisasikan objektif dan inisiatif strategik FPN adalah berdasarkan tiga projek utama PPP;: **Fit to Publish, Research Grant Venture** dan **Route to High Impact Publication** dimungkinkan oleh proses sokongan iaitu menandatangani MoU/MoA (**BUKTI 1**) dengan pihak komuniti luar.. Projek-projek utama ini dijana dari Objektif 7 Pelan Strategik UiTM 2025, iaitu menerajui penyelidikan yang berimpak tinggi melalui **ekosistem penyelidikan yang lebih mantap** dan dan Objektif 8, iaitu meningkatkan **jaringan strategik dengan pihak alumni serta industri**. Kedua-dua objektif ini menjadi asas kepada strategi penyelidikan yang berimpak tinggi, iaitu salah satu daripada tumpuan strategik FPN (PSFPN2020-2025).

**Fit to Publish** merupakan projek yang menyasarkan kepada **peningkatan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan** serta menyediakan bantuan dan bimbingan bagi membantu para penyelidik menyiapkan sesuatu penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan. Kecekapan (efisien) operasi projek dicapai dengan **membekalkan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan** kepada para penyelidik bagi mencapai matlamat strategik FPN ST6 *Talent Excellent (TE)*.

**Research Grant Venture** dan **Route to High Impact Publication** dirangka bagi mencapai matlamat strategik FPN ST4 *Translational Research Development, Innovation and Commercialization (TRDIC)* yang menumpukan kepada **pencapaian sasaran kuantiti penerbitan** berindeks di *SCOPUS, WoS, ERA* dan *MyCite*. Siri webinar bersama profesor pelawat, industri, serta rakan strategik nasional dan antarabangsa (**BUKTI 2**) dan juga pengukuhan program Research Champion (RC) dijalankan untuk membantu objektif kedua-dua projek dicapai.

Penempatan 16 daripada 119 staf akademik aktif FPN (13%) di Accounting Research Institute (ARI), dimanfaatkan dengan pelbagai **usahasama** di antara FPN dan ARI (**BUKTI 3**) dalam **menjalin kerjasama** dengan universiti-universiti dalam dan luar negara, industri, kerajaan dan NGO (**BUKTI 4**). Model pengoperasian usahasama ini selari dengan **Sustainable Strategic Excellence Model (BUKTI 1)** FPN yang menjadi asas kepada halatuju strategik FPN dalam memastikan kelestarian fakulti, berpaksikan kepada tiga elemen, iaitu pembangunan akademik, pembangunan pelajar dan penyelidikan dan inovasi.

Penempatan pensyarah di ARI adalah mekanisme untuk **mengembangkan peluang** dan **potensi** mendapatkan geran dari agensi di peringkat nasional dan global. Status ARI sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) memberikan akses kepada jaringan penyelidikan yang lebih meluas. Sebagai contoh, pada tahun 2023, pensyarah bertempat di ARI berjaya mendapat geran Dana Dalam Jabatan yang bernilai RM500,000 serta geran dalaman ARI yang bernilai RM242,000 (**BUKTI 5**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_O01\\_OB02\\_20241\\_FPN\\_6.2a\\_operasi.pdf](#)
2. [F0014\\_O01\\_OB02\\_20242\\_FPN\\_6.2b\\_operasi.pdf](#)
3. [F0014\\_O01\\_OB02\\_20243\\_FPN\\_6.2c\\_operasi.pdf](#)
4. [F0014\\_O01\\_OB02\\_20244\\_FPN\\_6.2d\\_operasi.pdf](#)

5. [F0014\\_UU1\\_OBU2\\_20245\\_FPN\\_b.2e\\_operasi.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berikut adalah perincian perancangan untuk setiap projek yang dikenalpasti untuk pelaksanaan bidang tumpuan PPP berdasarkan FPN SAP RICAEN 2023 (**BUKTI 1**):

**Perancangan bagi *Fit to Publish*** dengan bajet RM135,000 melibatkan aktiviti utama seperti menyediakan bantuan keperluan penyelidikan (**BUKTI 2**), memperkenalkan mini-sabatical, serta memperkenalkan format baharu disertasi di peringkat sarjana.

**Research Grant Venture** dirancang melalui tujuh aktiviti merangkumi siri webinar bersama profesor pelawat, industri, serta rakan strategik nasional dan antarabangsa, mengadakan perbincangan penyelidikan bersama rakan strategik, meningkatkan penglibatan pensyarah dalam persidangan, mengadakan bengkel penyediaan cadangan geran penyelidikan dan memantapkan kolaborasi nasional dan antarabangsa melalui *Talent Cluster*.

**Route to High Impact Publication** dengan bajet RM245,000 merangkumi tiga aktiviti iaitu memperkasakan program *Research Champion*, mengadakan siri bengkel Penerbitan Tesis PhD dan juga bengkel Penerbitan Pra-ICGA.

**Pelaksanaan** tiga projek utama disokong oleh **Editing and Formatting Hub** yang memberikan perkhidmatan penyuntingan dan pemformatan percuma manakala **Yuran Penerbitan Artikel (YPA)** menyalurkan bantuan dari aspek yuran penerbitan penyelidikan.

Selain itu, pelaksanaan tiga siri **Research Writing Boot Camps** diadakan dan berjaya menghasilkan 92 manuskrip untuk dihantar ke jurnal berindeks dan 53 manuskrip ini berjaya diterbitkan (**BUKTI 3**). Empat siri **Mini Publication Sabbatical** telah berlangsung dan 52 manuskrip berjaya dihantar ke jurnal-jurnal berindeks dan 34 manuskrip ini berjaya diterbitkan. **Program Penyelidikan Kuantitatif Secara Intensif** diadakan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan proses analisa data. 8 orang pensyarah bersama mentor telah dipilih dan diberi geran Dana Dalam Fakulti (DDF) untuk menghasilkan satu manuskrip yang dihantar ke jurnal berindeks.

Aktiviti **Format baharu disertasi** diperkenalkan di peringkat sarjana bagi meningkatkan penerbitan daripada disertasi iaitu berbentuk kertas penyelidikan konsep serta empirikal.

FPN telah menjalankan **dua siri webinar** oleh profesor-profesor pelawat, FPN telah berjaya **menganjurkan International Conference on Governance and Accountability (ICGA 2023) (BUKTI 3)** serta 10 diskusi penyelidikan melibatkan rakan usahasama. Seramai lima orang pensyarah telah menerima pelantikan luar sebagai **penceramah jemputan/ penceramah ucapnama** persidangan (**BUKTI 3**).

Bagi projek Research Grant Venture, pelaksanaan **Bengkel Cadangan Geran Penyelidikan** dianjurkan bagi membantu para penyelidik menyiapkan kertas cadangan. 8 *Talent Cluster* di FPN (**BUKTI 4**) memainkan peranan yang lebih aktif dan telah memulakan sekurang-kurangnya satu **kolaborasi baharu (BUKTI 4)** dengan rakan usahasama industri.

Pelantikan dua pensyarah bagi memperkasakan program **Research Champion** secara berstruktur berdasarkan pencapaian konsisten mereka menghasilkan penerbitan berimpak tinggi, (**BUKTI 5**) yang merupakan KPI program ini. FPN juga telah menjalankan dua **bengkel penerbitan** iaitu Bengkel Penerbitan PhD Tesis dan Bengkel Penerbitan Pra-ICGA.

**Langkah pemantauan dan penambahbaikan** adalah untuk memastikan operasi projek PPP berjalan memenuhi elemen 3E. Penilaian pencapaian projek-projek di atas dilakukan melalui **pelaporan** suku tahun **PSFPN2021-2025**. Perbincangan berkala di mesyuarat JPF, PPSM dan MPE juga membuat penilaian, bersama-sama dengan penilaian melalui MKSP dwi tahunan bagi **memantau** pencapaian objektif kualiti. FPN mengukuhkan jaringan penyelidikan dan penerbitan dengan menyediakan bantuan khidmat pemformatan dan penyuntingan, yuran



penerbitan artikel, dan dana jaminan rakan (DJI) kepada pemsyarah. Untuk menyemarakkan lagi PPP, FPN **melantik pengurus penerbitan** manakala **Talent Cluster** juga dimanfaatkan untuk menggerakkan MoU/MoA. **Maklumbalas** berkaitan PPP dari pemsyarah dan rakan strategik diambilkira bagi langkah penambahbaikan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_O01\\_OB03\\_20241\\_FPN\\_6.3a\\_operasi.pdf](#)
2. [F0014\\_O01\\_OB03\\_20242\\_FPN\\_6.3b\\_operasi.pdf](#)
3. [F0014\\_O01\\_OB03\\_20243\\_FPN\\_6.3c\\_operasi.pdf](#)
4. [F0014\\_O01\\_OB03\\_20244\\_FPN\\_6.3d\\_operasi.pdf](#)
5. [F0014\\_O01\\_OB03\\_20245\\_FPN\\_6.3e\\_operasi.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pencapaian prestasi projek PPP **dipantau** oleh pengurusan tertinggi FPN di MPE, bersama Pengurus Strategik Planning dan Unit Kualiti FPN di mesyuarat MKSP dan juga mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF).

FPN menekankan bahawa setiap **Talent Cluster** mempunyai **tadbir urus sistematik** bagi memastikan ahlinya menyumbang kepada penerbitan berindeks dan penyelidikan. Sumbangan setiap ahli dipantau oleh ketua *Talent Cluster* dan laporan dihantar untuk semakan seperti yang ditetapkan dalam mesyuarat MPE, MKSP dan JPF **(BUKTI 1)**.

Pemantauan webinar/ latihan, bengkel dan persidangan, dilakukan oleh **jawatankuasa berstruktur** yang dilantik khusus **(BUKTI 2)**. Disamping itu, jawatankuasa juga perlu menghantar **laporan** perjalanan aktiviti dalam masa sebulan setelah aktiviti berakhir untuk semakan didalam mesyuarat MPE dan MKSP **(BUKTI 3)**. **Analisa maklumbalas peserta** setiap aktiviti dilakukan bagi cadangan penambahbaikan di masa hadapan **(BUKTI 3)**.

Pemantauan melibatkan perbandingan antara **hasil sasaran** dan **hasil sebenar**. Hasil-hasil pencapaian PPP **dibincang dan dibandingkan** dengan tahap pencapaian objektif kualiti semasa mesyuarat. Contohnya, bagi *Research Writing Bootcamp*, **bilangan sebenar** manuskrip yang dihantar untuk penerbitan **yang lebih tinggi** menunjukkan aktiviti ini adalah efektif. Aktiviti ini juga adalah efisien dimana 74 manuskrip yang dihantar dalam masa enam hari. Dari segi ekonomi, **pemantauan geran** dapat **mengukur penjimatan** jumlah geran yang diterima berbanding dengan jumlah geran yang dibelanjakan.

Terdapat lima **objektif kualiti** yang berkaitan dan **empat** daripadanya **tercapai** bagi tahun 2023 dimana hasil yang didapati diambilkira dari Januari hingga Oktober 2023 **(BUKTI 4)**. Bagi Objektif Kualiti ke-6 FPN yang menyasarkan 100% staf akademik terlibat dalam penyelidikan, penerbitan atau inovasi menjelang 2025, pencapaian sebenar ialah 98.32% untuk sasaran 100%. Sebanyak 157 penerbitan berindeks berjaya diterbitkan melebihi kuantiti sasaran iaitu 100 penerbitan berindeks setahun di bawah Objektif Kualiti ke-7. Objektif Kualiti ke-8 tercapai dengan 39 projek penyelidikan baharu berdaftar dalam sistem iRES, iaitu 19 projek melebihi daripada sasaran awal. Bagi objektif kualiti ke-9 yang memastikan jumlah geran penyelidikan mencapai RM1.5 juta setahun, jumlah geran penyelidikan terkumpul yang masih aktif ialah RM4,500,248.30. Objektif Kualiti ke-10 pemindahan ilmu dan pengkomersilan menyaksikan pencapaian sasaran, iaitu satu produk penyelidikan, konsultansi atau penerbitan dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun **(BUKTI 5)**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_FPN\\_6.4.1a\\_operasi.pdf](#)
2. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_FPN\\_6.4.1b\\_operasi.pdf](#)
3. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20243\\_FPN\\_6.4.1c\\_operasi.pdf](#)
4. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20244\\_FPN\\_6.4.1d\\_operasi.pdf](#)
5. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20245\\_FPN\\_6.4.1e\\_operasi.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko FPN berpandukan kepada **Pelan Tindakan Kawalan Risiko**. Pemantauan dan **analisa risiko** oleh Pemilik Risiko bagi setiap PTJ diadakan pada setiap suku tahun dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko (**BUKTI 1**).

Risiko utama PPP (**BUKTI 2**) adalah **tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh BTU** dari aspek geran penyelidikan dalam tahun semasa, penerbitan dalam prosiding, jurnal berindeks dan berimpak tinggi, dan bilangan MoU/ MoA yang ditandatangani dengan rakan strategik tempatan serta antarabangsa. Punca sasaran yang tidak tercapai adalah kesukaran memperolehi geran penyelidikan, kekurangan penawaran dana industri, dan juga dana antarabangsa lebih tertumpu kepada bidang sains dan teknologi (**BUKTI 3**). Tambahan pula, kurang kemahiran penulisan artikel, dan kekangan dana penyelidikan menyukarkan pembayaran yuran penerbitan yang mahal. Akibatnya penerbitan berkurang dan a kadar sitasi yang dicapai adalah rendah. **Pengawalan dan pencegahan risiko** terhadap ketidakcapaian sasaran adalah dengan memanfaatkan dana dalaman fakulti (DDF), memohon peruntukan tambahan bagi dana penyelidikan dari UCS (**BUKTI 3**), melibatkan panel penilai geran berpengalaman dari luar berkongsi ilmu dan menilai / memurnikan kertas kerja, sembang santai dengan para penyelidik FPN yang telah berjaya mendapatkan geran yang kompetitif (**BUKTI 4**), menjalankan kolaborasi *matching grant* bersama industri, universiti dalam dan luar negara. **Perlantikan Publication Manager** juga telah membantu pengurusan penerbitan para pensyarah dengan lebih teratur.

Risiko utama pengkomersilan (**BUKTI 2**) adalah produk inovasi tidak berjaya dikomersilkan. Disebabkan oleh proses pengkomersilan yang rumit, kebanyakan produk inovasi hanya terhenti di pertandingan inovasi tanpa dikomersilkan di pasaran. Dengan **pelantikan Penyelaras Penyelidikan dan Inovasi**, para pensyarah dapat dibantu dengan lebih efektif dalam mempromosikan produk inovasi yang berpotensi untuk dikomersilkan (**BUKTI 5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_FPN\\_6.4.2a\\_operasi.pdf](#)
2. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_FPN\\_6.4.2b\\_operasi.pdf](#)
3. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20243\\_FPN\\_6.4.2c\\_operasi.pdf](#)
4. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20244\\_FPN\\_6.4.2d\\_operasi.pdf](#)
5. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20245\\_FPN\\_6.4.2e\\_operasi.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan FPN mencapai sasaran yang ditetapkan, setiap PTJ perlu **mengkaji pencapaian** PSFPN2020-2025, KPI Universiti dan juga Objektif Kualiti FPN. Semua tindakan **penambahbaikan** dilaporkan dan dibincangkan di MPE, MKSP dan JPF (**BUKTI 1**).

Dengan **mendaftar risiko**, FPN dapat mengenalpasti kaedah penambahbaikan. Contohnya, bagi projek *Fit to Publish*, **pelan mitigasi** adalah untuk memanfaatkan *Talent Cluster* untuk memperoleh kerjasama kolaborasi manakala **kategori risikonya** adalah penyelidikan yang kurang menonjolkan.

Bagi tumpuan PPP, pejabat RICAEN telah membuat analisa pencapaian Objektif Kualiti dengan pencapaian sebenar (data sehingga 31 Oktober 2023). Ulasan pencapaian semasa, **perbandingan pencapaian** dengan tahun-tahun sebelum, isu dan cadangan penambahbaikan telah dibentangkan di MKSP. Pencapaian objektif kualiti yang dibentangkan di MKSP bagi PPP adalah Objektif 6 hingga 11 (**BUKTI 2**). Pembentangan meliputi sasaran, pencapaian sebenar serta ulasan lanjut pencapaian tersebut. Contohnya; Objektif 8 mempunyai sasaran 20 projek penyelidikan baharu berdaftar setahun manakala pencapaian sebelah adalah 39 projek. Manakala bagi objektif memastikan jumlah geran penyelidikan mencapai RM1.5 juta setahun, jumlah sebenar geran penyelidikan terkumpul adalah **RM4,500,248.30 (BUKTI 2)**. Hebahan pembukaan geran serta peluang geran dari pihak industri serta kementerian direkodkan sebagai ulasan pencapaian.

Isu-isu lain adalah seperti **kekerapan penerbitan ditolak** yang dapat dikurangkan dengan adanya **Publication Manager** dan **kesukaran mendapatkan geran** dimana penyelidik FPN boleh memohon geran DDF. Publication Manager (**BUKTI 4**) ditugaskan mengenal pasti beberapa jurnal berindeks untuk penerbitan *special issues*.

Contoh cadangan penambahbaikan yang telah diutarakan termasuklah **projek inovasi Mini Publication Sabbatical** semasa cuti dan semasa semester berlangsung dan program **Research Writing Bootcamp (BUKTI 3)**. Kedua-dua ini dilaksanakan berlandaskan konsep efisien, efektif dan ekonomi.

Seterusnya, ialah bagi memastikan satu produk penyelidikan, konsultasi atau penerbitan dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun, isu proses pengkomersilan yang rumit dan berkos tinggi diatasi dengan cadangan-cadangan seperti **mencari peluang geran dari industri** untuk menjalankan penyelidikan guna supaya mudah untuk dikomersialkan, berpandukan kepada produk yang telah memenangi Pingat Emas di peringkat antarabangsa (**BUKTI 5**), menggalakkan pensyarah memohon Geran *Prototype Research Grant Scheme* (PRGS), dan mengadakan sesi perkongsian oleh pensyarah yang berjaya mengkomersilkan produk mereka.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_FPN\\_6.4.3a\\_operasi.pdf](#)
2. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20242\\_FPN\\_6.4.3b\\_operasi.pdf](#)
3. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20243\\_FPN\\_6.4.3c\\_operasi.pdf](#)
4. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20244\\_FPN\\_6.4.3d\\_operasi.pdf](#)
5. [F0014\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20245\\_FPN\\_6.4.3e\\_operasi.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Ekosistem jaringan PPP diperkukuhkan dengan melibatkan **rakan strategik** bagi membudayakan penyelidikan dan penerbitan. Melalui MoU/MoA, pelbagai geran industri, nasional dan antarabangsa diperolehi. Elemen 3E digunakan dimana *Matching grant* diperolehi di bawah geran bersama universiti tempatan dan antarabangsa dan juga geran fakulti (DDF). *Talent Cluster* dan *Research Champion* digerakkan untuk kelestarian jaringan PPP.

Prestasi dan keupayaan ahli *Research Track* **dipantau** sekali setahun melalui pembentangan dalam mesyuarat JPF (**BUKTI 2**) bagi memastikan setiap pencapaian KPI yang ditetapkan. Bilangan ahli *Research Champion* juga ditambah dari masa ke masa sebagai menyokong usaha positif FPN dan bukti kukuh bahawa program *Research Champion* FPN mencapai objektifnya (**BUKTI 2**). Peranan *Research Track* dan *Research Champion* adalah signifikan untuk **meningkatkan sinergi** aktiviti PPP di kalangan pensyarah. Peranan **publication manager** juga penting dalam meningkatkan jaringan dengan akademik luar ke arah memastikan hasil penyelidikan berjaya diterbitkan di jurnal sasaran. Inisiatif-inisiatif ini mengukuhkan pembudayaan PPP di FPN..

Program **bersiri *Writing Research Bootcamp*** dan ***Mini Publication Sabbatical*** menyemarakkan lagi budaya PPP. Aktiviti-aktiviti yang telah menampakkan hasil dalam mencapai KPI sentiasa diperkukuh untuk menentukan kesinambungan pencapaian (**BUKTI 3**).

Peningkatan kesedaran dan memupuk minat warga FPN dalam menghasilkan produk inovasi, menghasilkan peningkatan yang amat memberangsangkan apabila bilangan produk inovasi berjaya memenangi pelbagai pertandingan nasional dan antarabangsa. Pencapaian yang membanggakan ini berpotensi menyumbang kepada peningkatan produk inovasi yang boleh dikomersilkan dan memberi manfaat kepada masyarakat contohnya **projek i-asnaf ACT** yang melalui proses pengkomersilan pada tahun 2023 dibiayai oleh **Maybank Islamic Bhd** dan **UNESCO**. Kolaborator-kolaborator yang terlibat adalah Bahagian Agama Islam dan Pusat Zakat setiap negeri di Semenanjung Malaysia, manakala kolaborator-kolaborator industri (**BUKTI 4**) termasuklah **Taukala Sdn. Bhd.**, **Top Gun Consultancy Sdn. Bhd.**, **Kantor Akuntan Publik dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd.** (**BUKTI 5**). Pengembangan skop pasaran ke Malaysia Timur telah dirancang untuk memanfaatkan kolaborator-kolaborator industri menggunakan konsep wakalah, di mana pihak industri mendapat dana daripada zakat yang dibayar bagi membantu golongan asnaf secara terus.

Inisiatif FPN menggalakkan jaringan PPP dapat meningkatkan kesediaan warga FPN dalam penyelidikan dan penerbitan dan telah menghasilkan satu **budaya 3E and kecemerlangan operasi** di kalangan warga.. **Peranan staf pentadbiran juga diperkasakan** sebagai mekanisme mencapai kecemerlangan operasi melalui **aktiviti analisa dan pemantauan** (**BUKTI 1**)

Amalan pembudayaan PPP ini seterusnya mendorong pensyarah untuk **merintis peluang-peluang kolaborasi bersama pihak luar** termasuk agensi kerajaan secara lebih kreatif dan berdaya saing. Budaya ini juga sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan pensyarah bukan sahaja untuk mencapai sasaran tahunan FPNi, juga untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi diri seterusnya melahirkan warga FPN yang dapat memacu UiTM ke arah **Globally Renowned University 2025**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0014\\_O01\\_OB05\\_20241\\_FPN\\_6.5a\\_operasi.pdf](#)
2. [F0014\\_O01\\_OB05\\_20242\\_FPN\\_6.5b\\_operasi.pdf](#)
3. [F0014\\_O01\\_OB05\\_20243\\_FPN\\_6.5c\\_operasi.pdf](#)
4. [F0014\\_O01\\_OB05\\_20244\\_FPN\\_6.5d\\_operasi.pdf](#)
5. [F0014\\_O01\\_OB05\\_20245\\_FPN\\_6.5e\\_operasi.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Sumber Manusia: Transformasi staf akademik FPN ke tahap global melonjakkan **ketampakan pengetahuan, bakat dan kepakaran (*Talent Excellence*)** dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (PPP). Ini seterusnya **memperkasakan** mereka untuk mencapai kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil utama tumpuan sumber manusia menjurus kepada penglibatan staf akademik FPN dalam bidang PPP ke arah mencapai dan memberi impak **dalam menyumbang kepada kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh**. Ini seterusnya meningkatkan **ketampakan dan reputasi** FPN di peringkat nasional dan global serta memberi **impak positif** kepada **skor MyRA** dan **'ranking' FPN**, juga menyumbang kepada ***Talent Excellence*** FPN yang bertaraf global, selari dengan objektif strategik UiTM. Pencapaian ini menunjukkan peranan penting pensyarah FPN sebagai sumber dan pemangkin dalam bidang PPP untuk memacu FPN dan UiTM bagi mencapai ***Globally Renowned University*** (GRU) pada tahun 2025.

Tumpuan hasil sumber manusia FPN digarapkan melalui aktiviti ***Fit to Publish, Route to High Impact Publication*** dan ***Research Grant Venture*** yang telah menyokong pencapaian sasaran hasil sumber manusia seperti berikut:

- (1) Kepakaran Sumber Manusia
- (2) Penglibatan Sumber Manusia Dalam Melaksanakan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan
- (3) Penglibatan Sumber Manusia Sebagai Pakar Rujuk dan Profesor/Pensyarah Pelawat

Pada tahun 2023, FPN telah memperoleh kejayaan yang sangat cemerlang di mana lonjakan **398%** dalam nilai geran pensyarah FPN mengikut PI UiTM yang mencapai nilai geran berjumlah **RM6,811,209**. Pencapaian nilai geran nasional, industri dan antarabangsa **melempi sasaran** yang ditetapkan untuk **tiga tahun berturut-turut**. Ini diikuti dengan pencapaian pensyarah FPN yang cemerlang sebagai penyelidik utama atau Principal Investigator (PI) dengan **melempi sasaran** yang ditetapkan untuk **tiga tahun berturut-turut**. Kejayaan ini terbukti melalui inisiatif SAP dan program-program *Writing Bootcamp Series, Mini Publication Sabbatical* (MPS) yang telah membuah hasil yang membanggakan. FPN juga mengamalkan budaya kerjasama dan berkongsi pengetahuan di kalangan pensyarah melalui lapan (8) *Talent Cluster* yang diwujudkan berdasarkan kompetensi, kepakaran dan bidang pengkhususan pensyarah FPN.

Untuk bidang penerbitan, Inisiatif Pelan Tindakan Strategik (SAP) seperti Projek *High Impact Publication* (HIP) telah menyemarakkan penglibatan pensyarah FPN dalam penerbitan berimpak. Hasilnya untuk tahun **2023**, pensyarah FPN mencapai penambahbaikan dalam penerbitan berimpak dengan **168% lonjakan** berbanding tahun 2022. Pencapaian penerbitan berindeks pensyarah FPN untuk HIP, nasional, industri, antarabangsa dan penerbitan index (My Cite) juga telah **melempi sasaran untuk kesemua lima PI pada tahun 2023**.

Dalam bidang pengkomersilan, pencapaian pensyarah FPN adalah menerusi projek Pemindahan Ilmu i-Asnaf Act yang bermula sebagai projek kolaborasi berkaitan kos dan kewangan bersama PERNAS dan TERAS (Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd.) sehingga berjaya menghasilkan produk komersil pada 2023. Pencapaian pengkomersilan ini **melempi sasaran** Objektif Kualiti 10.

Hasil daripada aktiviti PPP yang mantap melahirkan pensyarah yang berkaliber, berilmu dan diiktiraf di peringkat nasional dan global. Ini dapat dilihat melalui **tren lonjakan** sebanyak **267%** untuk lantikan pensyarah FPN sebagai pakar rujuk penyelidikan dan **42% tren lonjakan** untuk bilangan profesor/pensyarah pelawat pada tahun 2023. Pensyarah FPN juga telah mendapat anugerah **tertinggi peringkat antarabangsa** iaitu **World Scientist and University Rankings** pada tahun **2023 beserta sitasi tertinggi dalam H-index Google Scholar**. Penganugerahan terulung telah **menyerlah ketampakan FPN** di **peringkat global**, dan seterusnya telah mencetus lonjakan dalam penerbitan berindeks di kalangan pensyarah FPN. FPN menitikberatkan perancangan sumber manusia yang efektif untuk memastikan hasil PPP yang berkualiti tinggi di peringkat nasional dan global.

#### 7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1\\_F0014\\_HB02\\_20241\\_7.1.2 TAHAP - HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

#### 7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1\\_F0014\\_HB03\\_20242\\_7.1.3 TREN - HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

#### 7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1\\_F0014\\_HB04\\_20243\\_7.1.4 PERBANDINGAN - HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

#### 7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1\\_F0014\\_HB05\\_20244\\_7.1.5 KEPENTINGAN - HASIL PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **HASIL PELANGGAN:**

#### **KEJAYAAN SINERGI JARINGAN PELANGGAN FAKULTI PERAKAUNAN (FPN) DALAM MEMACU KELESTARIAN PENYELIDIKAN, PENERBITAN, DAN PENGKOMERSIALAN BERIMPAK TINGGI**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti perakaunan (FPN) memberi tumpuan dalam memperkasakan budaya kelestarian penyelidikan, penerbitan serta pengkomersialan (PPP) di kalangan warganya dan pemegang taruh berkepentingan. Usaha ini mendukung objektif utama Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi meneraju PPP berimpak melalui ekosistem pelanggan yang padu. Atas dasar ini, FPN telah mengenal pasti pihak pelanggan yang perlu diberi keutamaan untuk bekerjasama merealisasikan pencapaian cemerlang melalui hasil berimpak. Pelanggan utama yang dikenalpasti bagi mencapai aspirasi FPN merangkumi pihak dalaman dan luaran.

**Pelanggan dalaman** melibatkan penyelidik fakulti dari FPN dan UiTM, serta para pelajar pascasiswazah dan prasiswazah. Manakala **pelanggan luaran** merangkumi rakan penyelidik kolaborasi dalam negara dan global, rakan industri serta komuniti berkepentingan. Menerusi kerjasama utuh di antara pelanggan bersama FPN telah melahirkan beberapa '**Hasil Pelanggan**' berimpak dalam menzahirkan ketampakan FPN dan UiTM di peringkat global. Penghasilan 'Hasil Pelanggan' ini berjaya direalisasikan menerusi keberkesanan tiga (3) projek utama FPN iaitu *Route to High Impact Publication*, *Research Grant Venture* serta *Fit to Publish*. Melalui kerjasama padu di antara FPN dan pelanggan dalaman serta luaran, disokong oleh penubuhan *Talent Cluster* membentuk sinergi ke arah memacu pencapaian tiga (3) **hasil pelanggan utama** cemerlang merangkumi penyelidikan dan penerbitan; perolehan geran penyelidikan; dan pengkomersialan projek inovasi. Sinergi kerjasama ini turut memastikan **kelestarian dan kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh**.

Kesemua hasil pelanggan telah memenuhi pencapaian sangat signifikan serta mengatasi **Tahap** sasaran yang ditetapkan UiTM. Sebagai contoh, **FPN menerusi kolaborasi mantap bersama rakan strategik universiti, industri dan antarabangsa menghasilkan perolehan geran penyelidikan industri serta geran dalam negara pada kadar 2.63 (263%) dan 3.92 (392%) kali ganda berbanding sasaran UiTM**. Secara keseluruhan analisa **Tren PPP** juga menunjukkan peningkatan yang membanggakan dari 2021 hingga 2023. Sebagai contoh, **tren penerbitan berindeks bersama rakan strategik industri dan rakan strategik antarabangsa meningkat mendadak dari tahun 2021 pada kadar 217% dan 214%**.

Pencapaian hasil pelanggan FPN juga **dibuat perbandingan** bersama fakulti-fakulti lain di bawah Gugusan Perniagaan dan Pengurusan UiTM. Ini bertujuan mengenalpasti prestasi sebenar hasil tersebut berbanding pencapaian peringkat gugusan, di samping mengenalpasti ruang penambahbaikan. FPN mendahului perbandingan dengan fakulti-fakulti lain di dalam Gugusan Perniagaan dan Pengurusan. Sebagai contoh, **FPN pada tahun 2023 memperoleh geran penyelidikan bersama rakan strategik industri (180%), rakan strategik dalam negara (540%) dan rakan strategik antarabangsa (160%) lebih tinggi berbanding gabungan prestasi FPP dan FPHP**.

**Kepentingan** hasil pelanggan melalui sinergi FPN dan rakan kongsi strategik terbukti memberi impak positif terhadap kelestarian dan kepelbagaian penyelidikan untuk pengukuhan jaringan bersama pemegang taruh. Salah satu impak signifikan terhasil melalui **pengkomersilan produk I-Asnaf Act, iaitu aplikasi perakaunan kos dan kewangan untuk usahawan mikro dan asnaf, yang mendapat tajaan Maybank serta UNESCO Malaysia. Produk ini turut mencapai matlamat “SDG4: *Quality Education and Lifelong Learning* dan SDG1: *No Poverty* dalam memastikan pembangunan mampan kemahiran kewangan relevan bagi usahawan mikro serta asnaf.** Secara keseluruhan hampir kesemua majoriti pelanggan FPN sangat berpuas hati dengan inisiatif dan pencapaian yang terhasil. Dengan kerjasama yang terjalin, FPN akan terus cemerlang, berdaya saing dan mengangkat martabat serta ketampakannya bersama UiTM di persada global.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0014\\_HB02\\_20241\\_TAHAP\\_HASIL PELANGGAN.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0014\\_HB03\\_20242\\_TREN\\_HASIL PELANGGAN.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0014\\_HB04\\_20243\\_PERBANDINGAN\\_HASIL PELANGGAN.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0014\\_HB05\\_20244\\_KEPENTINGAN\\_HASIL PELANGGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

**Hasil Perancangan Strategik: Perancangan strategik mantap, budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan bernilai sejagat menjulang FPN cemerlang.**

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Perancangan Strategik (SAP) Fakulti Perakaunan (FPN) 2023 telah dirangka untuk memperkukuhkan tahap p **enyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (PPP)** di peringkat global, selaras dengan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Pelan Perancangan Strategik FPN dibangunkan selari dengan teras perancangan strategik UiTM 2025 (PSUiTM2025) yang dipacu oleh 3 teras utama iaitu 1. *Quality Education*, 2. *Global Excellence* dan 3. *Value-Driven*. FPN telah menyahut aspirasi tersebut dengan merangka inisiatif berimpak tinggi dan melaksanakan beberapa projek yang bertujuan memperkasakan potensi staf akademik serta memantapkan kepakaran mereka dalam aktiviti PPP. SAP ini juga telah dipetakan dan ditetapkan secara teratur, bersistematik dan realistik bagi memastikan kesemua KPI Bahagian Transformasi Universiti yang disasarkan tercapai dengan cemerlang. Ianya didokumentasikan dalam dokumen Pensejajaran Perancangan Strategik FPN 2020-2025.

Tema '**Kepelbagaian Penyelidikan untuk Pengukuhan Jaringan bersama Pemegang Taruh**' dicetuskan bagi menerjemahkan bidang PPP. Inisiatif strategik FPN yang dirancang antaranya 1. ***Fit to Publish***, 2. ***Research Grant Venture*** dan 3. ***Route to High Impact Publication*** bertepatan dengan tema dan bidang tumpuan yang dipilih. Bagi menyokong pencapaian hasil perancangan strategik ini beberapa projek telah dibuat pemetaan antaranya adalah 1. ***Editing and Formatting Hub***, 2. ***Yuran Penerbitan Artikel (YPA)***, 3. ***Mini-Sabbatical Leave***, 4. ***FACT Research Writing Bootcamps***, 5. ***Research Champions Programme***, 6. ***Talent Cluster*** dan beberapa projek lagi. Hasil pelaksanaan strategi tersebut telah membuktikan bahawa FPN komited dalam mendokong agenda PSUiTM2025 dengan melonjakkan :

1. Hasil Penyelidikan: Pencapaian perolehan geran
2. Hasil Penerbitan: Pencapaian bilangan penerbitan berindeks
3. Hasil Pengkomersilan: Pencapaian Pengkomersilan Produk
4. Hasil Pencapaian SKORi-UiTM
5. Hasil Pencapaian Pengurusan Risiko

FPN telah dinobatkan sebagai **penerima tempat Pertama Anugerah Transformasi Kecemerlangan *Globally Marketable: World Class Faculty Members* semasa Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023**. Ini adalah pengiktirafan terhadap pencapaian seperti penajaan sejumlah **RM6,811,200 geran penyelidikan** oleh staf akademik FPN sepanjang tahun 2023 bagi menjayakan agenda PPP, dimana jumlah ini telah **melebihi sasaran tahunan**. Sejumlah **RM531,210 pula diperolehi bagi geran penyelidikan industri dan antarabangsa**. **Bilangan principal investigator (PI) FPN untuk geran antarabangsa pula menunjukkan tren naik dan melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2023.**

FPN juga berjaya menjana **geran tertinggi bagi ketiga-tiga tajaan nasional, industri dan antarabangsa** dalam gugusan pengurusan dan perniagaan. Kejayaan ini pastinya memperkukuh peningkatan budaya penyelidikan berimpak tinggi dan terkehadapan. Pada tahun 2023, penyelidikan staf akademik FPN berjaya diterjemahkan dalam bentuk 223 penerbitan berindeks dan mencatatkan antara **3 fakulti terbaik dengan nisbah penerbitan berbanding staf iaitu 2.1** serta meraih pencapaian melebihi 100% bagi kategori **konferensi/jurnal**

**berindeks dan penerbitan bersama kolaborator nasional, industri dan antarabangsa. Hasil perancangan strategik yang mantap serta pengurusan risiko** yang berkesan membawa kepada kejayaan cemerlang FPN dalam mencatat **SKORi-UiTM 94.9%** pada tahun 2023. Pencapaian hasil kecemerlangan SKORi-UiTM bergerak selari dengan progres cemerlang pelaksanaan SAP dan membolehkan FPN memenangi **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik (AKPU 2023)**.

**Keberkesanan penganalisaan perancangan strategik yang sistematik, pengurusan risiko yang cekap, keterlibatan menyeluruh, serta input nilai tambah dari warga telah menyumbang kepada kelestarian kecemerlangan FPN.**

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0014\\_HB02\\_20241\\_7.3.2 TAHAP - HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA \(final\).pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0014\\_HB03\\_20242\\_7.3.3 TREN - HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA \(final\).pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0014\\_HB04\\_20243\\_7.3.4 PERBANDINGAN - HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA \(final\).pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0014\\_HB05\\_20244\\_7.3.5 KEPENTINGAN - HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA \(final\).pdf](#)